Tiada kawasan petempatan terancang perumahan mampu milik bagi generasi kedua dan kawasan petempatan desa tidak tersusun	• Kawasan untuk pembangunan	• Wujudkan perumahan mampu milik di kawasan Gerik dan Skim Perumahan Berpencen • Cadangan penyusunan semula kampung Orang Asli Sungai Papan. • Pembinaan Kuarters Imigresen di Bukit Berapit • Perumahan mampu milik • Penempatan semula kem askar • PPD Orang Asli Di RPS Banun • Projek pembangunan semula kuaters baru 25 juta di tapak sedia ada.	Meningkatkan taraf hidup penduduk tempatan

3.3 Kerangka Pembangunan Daerah Hulu Perak 2030

Kerangka strategi pembangunan ini dibentuk berdasarkan kepada terjemahan polisi di peringkat negara, wilayah dan negeri, peranan Hulu Perak di dalam konteks pembangunan wilayah, hasil analisis DPSIR berdasarkan isu-isu strategik, potensi pembangunan dan sasaran pembangunan berdasarkan unjuran kajian.

Rajah 3.4: Kerangka Pembangunan Daerah Hulu Perak 2030

TERJEMAHAN POLISI-POLISI DI PERINGKAT NEGARA, WILAYAH DAN NEGERI	PERANAN HULU PERAK DI DALAM KONTEKS PEMBANGUNAN WILAYAH
Peringkat Negara Rancangan Fizikal Negara 2 (RFN 2) Rancangan Malaysia ke 11 (RMK 11) Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Central Forest Spine (CFS) Peringkat Wilayah Koridor Utara Blueprint (NCER) Peringkat Negeri Rancangan Struktur Negeri Perak (RSN Perak) Perak AmanJaya	Prinsip Pasaran : Daerah Hulu Perak dan Pusat-Pusat Pasaran sekitarnya • Perlu meningkatkan densiti dan intensiti pembangunan di sekitar pusatnya dan menggalakkan pembangunan di pusat-pusat yang berdaya maju dan berpotensi besar • Dari Selatan – Limpahan pembangunan dari Kuala Kangsar dan Taiping ke arah Tasik Raban • Dari Barat - Limpahan pembangunan dari Pulau Pinang ke Sungai Petani akan mula menyerap ke Daerah Baling, Kedah sebelum sampai ke Hulu Perak. Ini akan mewujudkan *linkages* atau rangkaian sekunder bagi kawasan di Utara Hulu Perak.

pencapaian matlamat/polisi

STRATEGI DAN KONSEP PEMBANGUNAN DAERAH HULU PERAK 2030

Pembentukan matlamat, hala tuju, strategi dan konsep pembangunan daerah

penyelesaian masalah & pengembangan potensi

ISU-ISU PEMBANGUNAN	POTENSI PEMBANGUNAN	SASARAN PEMBANGUNAN
Isu-isu pembangunan di Daerah Hulu Perak yang merangkumi aspek ekonomi, sosial, alam sekitar dan fizikal.	Potensi pembangunan utama di Daerah Hulu Perak yang merangkumi pembangunan ekonomi dan sosial.	Sasaran pembangunan Daerah Hulu Perak adalah berdasarkan penemuan unjuran kajian.

KEDUDUKAN SEMASA DAERAH HULU PERAK

3.4 Matlamat, Halatuju dan Strategi Pembangunan Daerah Hulu Perak 2030

MATLAMAT PEMBANGUNAN

HULU PERAK, DAERAH WARISAN DUNIA
HULU PERAK, WORLD HERITAGE DISTRICT

MAJLIS DAERAH PENGKALAN HULU
Gerbang Antarabangsa & Warisan Perlombongan
International Gateway & Mining Heritage

MAJLIS DAERAH GERIK
Warisan Semulajadi
Natural Heritage

MAJLIS DAERAH LENGGONG
Warisan Sejarah Dunia
World Historical Heritage

HALATUJU PEMBANGUNAN

01 Hulu Perak sebagai Destinasi Pelancongan Eko dan Warisan Bertaraf Dunia

02 Hulu Perak sebagai Daerah Ekonomi Primer (Pertanian dan Sumber Mineral) yang produktif

03 Hulu Perak kearah Penyediaan Sistem Pengangkutan dan Infrastruktur yang Menyeluruh dan Berkeboleharapan

04 Hulu Perak sebagai Daerah Hijau dan Biru (*Green and Blue District*) yang Mampan

05 Hulu Perak kearah Pembaharuan Bandar dan Penjanaan Ekonomi Setempat

06 Hulu Perak sebagai Daerah Berdaya Huni dan Berkualiti Hidup yang Tinggi

07 Hulu Perak sebagai Daerah Bebas Geo Bencana dan Kesejahteraan Alam Sekitar

08 Hulu Perak kearah Memperkasakan Sosioekonomi Petempatan Orang Asli yang Berdaya Maju dan Mampan

STRATEGI PEMBANGUNAN

01
1. Mengantarabangsakan Produk Pelancongan Eco Tourism dan Warisan Sejarah
2. Mewujud dan Membangunkan Tarikan Produk Pelancongan Baru
3. Meningkatkan tarikan dan kualiti produk pelancongan sedia ada
4. Meningkatkan Tahap Kemudahsampaian ke Destinasi Pelancongan
5. Meningkatkan tahap penyediaan kemudahan sokongan dan perkhidmatan pelancongan
6. Meningkatkan promosi produk pelancongan

02
1. Meningkatkan produktiviti tanaman dan ternakan secara komersial dan mesra alam
2. Meningkatkan produktiviti perikanan secara komersial dan mesra alam.
3. Mengeksploitasi sumber mineral secara mampan
4. Mewujudkan pusat pemasaran produk pertanian dan perikanan

03
1. Meningkatkan kemudahsampaian dan rangkaian perhubungan di Daerah Hulu Perak
2. Meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam dan kemudahan sokongan pengangkutan
3. Melebarluas jaringan dan rangkaian sistem bekalan air bersih dan liputan bekalan elektrik
4. Meningkatkan aksesibiliti jalur lebar keseluruh daerah terutamanya ke kawasan pelancongan utama
5. Menyediakan sistem pembetungan dan pengurusan sisa pepejal yang efisien dan mampan

04
1. Memulihara aset semulajadi hutan, badan air dan kepelbagaian biodiversiti
2. Melindungi, memulihara dan mengurus secara mampan kawasan hutan simpan kekal dan badan air
3. Menggunapakai pendekatan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) di dalam menguruskan sungai-sungai dan badan air
4. Menggalakkan penggunaan tenaga yang diperbaharui (renewable energy)

05
1. Mengoptimumkan Penggunaan Tanah Dan Memperkemaskan Struktur Guna Tanah Bagi Mewujudkan Kawasan Petempatan Yang Lebih Teratur.
2. Memperkukuhkan Pengkalan Hulu sebagai Gerbang Antarabangsa
3. Membangunkan Gerik sebagai Bandar Transit
4. Membangunkan Lenggong sebagai Bandar Pra Sejarah
5. Mengukuhkan Pembangunan Pusat Perniagaan Mengikut Hierarki Perbandaran
6. Memperkukuhkan Kawasan Perindustrian Sedia Ada Berasaskan Sumberjaya Tempatan

06
1. Menyediakan keperluan perumahan mampu milik yang selesa dan mencukupi sehingga 2030
2. Menaiktaraf kemudahan masyarakat dan kawasan Lapang yang berkualiti dan kemudahsampaian
3. Membangunkan dan memperkukuh fungsi Pusat Petempatan Desa (PPD) terpilih
4. Mempertingkatkan kualiti dan imej landskap kawasan keutamaan pembangunan

07
1. Mengurangkan risiko kejadian bahaya dan mencegah kejadian geo bencana
2. Melaksana program tebatan banjir kawasan perbandaran
3. Menguruskan aktiviti perlombongan secara mampan dan berimpak rendah
4. Melaksanakan pengurusan hutan secara mampan
5. Mengurangkan punca dan impak pencemaran air dan udara

08
1. Mempertingkatkan kemudahan asas dan infrastruktur (rumah, air, elektrik, jalan dan telekomunikasi)
2. Meningkatkan kesihatan dan pendidikan penduduk orang asli
3. Meningkatkan pendapatan penduduk orang asli berasaskan sumberjaya sedia ada

CADANGAN PEMBANGUNAN

3.5 Konsep Pembangunan Daerah Hulu Perak 2030

Konsep pembangunan dibentuk sebagai asas kerangka spatial pembangunan Daerah Hulu Perak yang akan menterjemahkan kerangka pembangunan dalam bentuk reruang kesesuaian (*suitability*) pembangunan.

Asas Pembentukan Konsep Pembangunan Spatial Daerah Hulu Perak 2030

Asas pembentukan konsep adalah menggunakan:

- Guna Tanah Semasa Yang Dikekalkan Dan Pembangunan Komited Kawasan Kesesuaian Tanah Untuk Pembangunan
- Kawasan Pemuliharaan Alam Sekitar Kawasan Risiko Geo Bencana
- Strategi Pengurusan Perlombongan Secara Mampan
- Strategi Pembangunan Pertanian Dan Sumberjaya Desa
- Strategi Pembangunan Bandar
- Cadangan Hierarki Pusat Petempatan
- Cadangan Pusat Petempatan Desa
- Strategi Perhubungan Dan Pengangkutan Awam
- Strategi Pelancongan Daerah

Konsep Pembangunan Spatial Daerah Hulu Perak 2030

Konsep **PUSAT PEMBANGUNAN BERSEPADU** atau ***INTEGRATED DEVELOPMENT CENTRE***. akan digunapakai sebagai kerangka spatial pembangunan Daerah Hulu Perak untuk jangka masa selama 15 tahun dan kesan pertumbuhan yang diterima sehingga tahun 2030.

Ciri-ciri konsep pembangunan ini:

a. Membangunkan tiga pusat pembangunan (zon tumpuan pembangunan) mandiri yang mempunyai kemudahan dan perkhidmatan sendiri dan diurus oleh pihak berkuasa tempatan secara berasingan.
b. Perhubungan yang bersepadu antara pusat pembangunan dengan jaringan jalan dan infrastruktur yang lengkap.
c. Jalinan hubungan luar bandar dan bandar yang diperperkukuhkan dengan peningkatan akses masyarakat luar bandar terhadap perkhidmatan bandar, peningkatan taraf sosioekonomi masyarakat luar bandar dengan aktiviti pertanian.

Zon Pembangunan Rancangan Tempatan Daerah Hulu Perak 2030

Zon Perbandaran

Meliputi kawasan pusat petempatan utama di sepanjang koridor pembangunan bandar dari Lenggong sehingga ke Sungai Petani. Zon Perbandaran berbentuk *pocket development*.

Zon Perlombongan

Meliputi kawasan perlombongan di Klian Intan. Zon perlombongan ini akan menekankan pengurusan perlombongan secara mampan

Zon Pemuliharaan

Pengekalan kawasan KSAS yang melibatkan kawasan seperti Rizab Sungai, Tanah Tinggi, Rizab Hutan Simpan dan lain lain.

Zon Pertanian dan Zon Industri Akuakultur (ZIA)

Mengekal dan meningkatkan produktiviti kawasan pertanian dan aktiviti akuakultur yang terdapat dalam Daerah Hulu Perak

Zon Pelancongan

- Pengantarabangsaan Zon Pelancongan Warisan Semulajadi dan Sejarah (Taman Negeri Royal Belum, Tasik Temengor, Pulau Banding dan Pulau Tali Kail)
- Pengupayaan Zon Pelancongan Warisan Semulajadi dan Warisan Perlombongan (Baling - Pengkalan Hulu – Klian Intan)
- Penjenamaan Semula Zon Pelancongan Warisan Sejarah dan Warisan Budaya (Kuala Kangsar – Lenggong)
- Penghidupan Semula Zon Pelancongan Warisan Semulajadi (Lawin – Gerik – Kerunai)

Nodus Pelancongan

- Pengkalan Hulu
- Gerik
- Lenggong
- Pulau Banding

Zon Tumpuan Pembangunan

- Gerik-Bandariang-Lawin
- Pengkalan Hulu-Klian Intan- Border Town - Baling
- Lenggong-Tasek Raban-Kuala Kangsar

Rajah 3.5: Konsep Pembangunan Spatial Daerah Hulu Perak 2030



4

HULU PERAK SEBAGAI DAERAH PELANCONGAN EKO DAN WARISAN BERTARAF DUNIA

BAB 4
HALATUJU 1: HULU PERAK SEBAGAI DAERAH PELANCONGAN EKO DAN WARISAN BERTARAF DUNIA

Daerah Hulu Perak mempunyai produk-produk pelancongan yang bernilai antarabangsa dan domestik khususnya produk pelancongan berasaskan 'eco-tourism', warisan pra sejarah dan 'agro-tourism'. Dengan produk ini, halatuju pembangunan pelancongan adalah untuk menjadikan Daerah Hulu Perak sebagai destinasi pelancongan eko dan warisan bertaraf dunia. Halatuju ini bertujuan untuk memberikan impak yang lebih besar kepada pembangunan ekonomi daerah dan ekonomi penduduk tempatan khususnya serta memberi sumbangan ekonomi yang lebih besar kepada Negeri Perak dan menjadi antara destinasi pelancongan utama Negara. Sehubungan dengan ini, enam strategi pembangunan pelancongan dikemukakan, diikuti oleh cadangan-cadangan projek berkaitan. Cadangan ini mengambilkira aspirasi Dasar Pelancongan Negara yang berpaksi kepada pembangunan pelancongan yang berkualiti, berdaya maju dan mampan.

STRATEGI 4.1
Mengantarabangsakan Produk Pelancongan *Eco Tourism* dan Warisan Sejarah

- Meningkatkan promosi serta kemudahan dan aktiviti pelancongan di Taman Negeri Royal Belum, Tasik Temengor, Belum Discovery Centre dan Pulau Tali Kail
- Membangunkan Dan Mempromosi Pulau Banding Sebagai Pusat Peranginan Dan Persidangan Pemimpin Dunia Dan Syarikat Antarabangsa Mengadakan Pemukiman (*Retreat*)
- Meningkatkan Imej Dan Kemudahan Produk Pelancongan Tapak Warisan Dunia Lembah Lenggong

STRATEGI 4.2
Mewujud dan Membangunkan Tarikan Produk Pelancongan Baru

- Membangunkan Produk Pelancongan Baru di Kawasan Majlis Daerah Pengkalan Hulu
- Membangunkan Produk Pelancongan Baru di Kawasan Majlis Daerah Gerik
- Membangunkan Produk Pelancongan Baru di Kawasan Majlis Daerah Lenggong

STRATEGI 4.3
Meningkatkan tarikan dan kualiti produk pelancongan sedia ada

- Menaiktaraf Kemudahan Dan Meningkatkan Aktiviti Pelancongan Sedia Ada Di Kawasan Majlis Daerah Pengkalan Hulu
- Menaiktaraf Kemudahan Dan Meningkatkan Aktiviti Pelancongan Sedia Ada Di Kawasan Majlis Daerah Gerik
- Menaiktaraf Kemudahan Dan Meningkatkan Aktiviti Pelancongan Sedia Ada Di Kawasan Majlis Daerah Lenggong

STRATEGI 4.4
Meningkatkan Tahap Kemudahsampaian ke Destinasi Pelancongan

- Menyediakan perkhidmatan shuttle bas dan menaiktaraf jalan ke destinasi pelancongan

STRATEGI 4.5
Meningkatkan tahap penyediaan kemudahan sokongan dan perkhidmatan pelancongan

- Membangunkan Pulau Banding, Pengkalan Hulu, Gerik Dan Lenggong Sebagai Nodus Pelancongan

STRATEGI 4.6
Meningkatkan promosi produk pelancongan

- Cadangan Jejak Pelancongan (Tourism Trail) Utama Di Daerah Hulu Perak
- Cadangan Jejak Dan Pakej Pelancongan Eko-Sejarah Di Kawasan Majlis Daerah Pengkalan Hulu, Gerik dan Lenggong

Halatuju 1: Hulu Perak sebagai Daerah Pelancongan Eko dan Warisan Bertaraf Dunia

Strategi	Cadangan
1) Mengantarabangsakan Produk Pelancongan *Eco Tourism* dan Warisan Sejarah	a) Meningkatkan Promosi Serta Kemudahan Dan Aktiviti Pelancongan di Simpan Royal Belum, Tasik Temengor, Belum *Discovery Centre* dan Pulau Tali Kail. b) Membangunkan Dan Mempromosi Pulau Banding Sebagai Pusat Peranginan Dan Persidangan Pemimpin Dunia Dan Syarikat Antarabangsa Mengadakan Pemukiman (*Retreat*) c) Meningkatkan Imej Dan Kemudahan Produk Pelancongan Tapak Warisan Dunia Lembah Lenggong
2) Mewujud dan Membangunkan Tarikan Produk Pelancongan Baru	Membangunkan produk pelancongan baru: **Majlis Daerah Pengkalan Hulu** *a) Tin Valley* *b) Border Town* c) Muzium Pengkalan Hulu **Majlis Daerah Gerik** d) Pill Box Orang Asli, Pulau Banding **Majlis Daerah Lenggong** e) Lenggong Agro Valley f) Komunis Trail, Bukit Changkat Berangan g) Rumah-rumah dan makanan tradisional
3) Meningkatkan tarikan dan kualiti produk pelancongan sedia ada	Menaiktaraf kemudahan dan meningkatkan aktiviti pelancongan di: **Majlis Daerah Pengkalan Hulu** a) Gua Gendang dan Gua Itik b) Bukit Sejuk c) Kampung Tasek d) Istana dan Makam Raja Reman e) Kolam Air Panas f) Kompleks Bebas Cukai g) Batu Sempadan Malaysia-Thailand h) Lata Sungai Hitam i) Rahman Hydraulic **Majlis Daerah Gerik** j) Air Beruk k) Lata Pinang l) Lata Tanjung Kala m) Lata Kulim n) Lata Ulu Lawin o) Dataran Loma p) Gunung Kenderong q) Puncak Baring r) Pasar Malam Gerik **Majlis Daerah Lenggong** s) Tasik Raban t) Hutan Lipur Lata Kekabu u) Ladang Rusa v) Ladang Teh w) Homestay Kampung Beng x) Kompleks Ikan Pekasam y) Makam-makan yang diwarta di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005
4) Meningkatkan Tahap Kemudahsampaian ke Destinasi Pelancongan	Menyediakan perkhidmatan shuttle bas dan menaiktaraf jalan ke destinasi pelancongan
5) Meningkatkan tahap penyediaan kemudahan sokongan dan perkhidmatan pelancongan	Membangunkan Pulau Banding, Pengkalan Hulu, Gerik Dan Lenggong Sebagai Nodus Pelancongan

Rajah 4.1.: Cadangan Pembangunan Pelancongan Daerah Hulu Perak



Petunjuk

- Cadangan Nodus Pelancongan
- Badan air

Strategi	Cadangan
6) Meningkatkan promosi produk pelancongan	a) Cadangan Jejak Pelancongan (Tourism Trail) Utama Di Daerah Hulu Perak b) Cadangan Jejak Dan Pakej Pelancongan Eko-Sejarah Di Kawasan Majlis Daerah Pengkalan Hulu c) Cadangan Jejak Dan Pakej Pelancongan Eko Di Kawasan Majlis Daerah Gerik d) Cadangan Jejak Dan Pakej Pelancongan Sejarah ,Budaya Dan Agro Di Kawasan Majlis Daerah Lenggong

Halatuju 1: Hulu Perak sebagai Daerah Pelancongan Eko dan Warisan Bertaraf Dunia

4.1 Mengantarabangsakan Produk Pelancongan *Eco Tourism* dan Warisan Sejarah

4.1.1 MENINGKATKAN PROMOSI SERTA KEMUDAHAN DAN AKTIVITI PELANCONGAN DI TAMAN NEGERI ROYAL BELUM, TASIK TEMENGOR , BELUM DISCOVERY CENTRE DAN PULAU TALI KAIL

LOKASI

Taman Negeri Royal Belum, Tasik Temengor , Belum *Discovery Centre* dan Pulau Tali Kail

DESKRIPSI

i. Taman Negeri Royal Belum (TNRB) adalah destinasi pelancongan bagi *high end tourist* dan ia hanya boleh dibangunkan dengan aktiviti pelancongan berimpak rendah sahaja.
ii. Menggalakkan pembangunan kemudahan dan aktiviti pelancongan di dalam zon pembangunan[1] Taman Negeri Royal Belum (TNRB) seperti tapak perkhemahan, chalet dan jeti.
iii. Menyediakan *Canopy Walk* sebagai salah satu tarikan kepada pelancong yang berkunjung ke Taman Negeri Royal Belum.
iv. Menjadikan Tasik Temengor sebagai zon sukan air. Antara aktiviti sukan air yang dicadangkan di kawasan Tasik Temengor adalah seperti berkayak, berakit dan mengelilingi Tasik Temengor.
v. Meningkatkan kemudahan di Pulau Tali Kail seperti menaiktaraf kawasan chalet, surau, menara tinjau dan sebagainya.
vi. Meningkatkan promosi *Belum Discovery Centre* sebagai pusat pelancongan pembelajaran flora dan fauna (TNRB).
vii. Menyediakan Rancangan Kawasan Khas bagi TNRB selaras dengan keperluan penyediaan *Conservation Management Plan* bagi memperolehi pengiktirafan tapak warisan dunia.

JUSTIFIKASI

- Meningkatkan kedatangan pelancong khususnya dari luar negara. Kadatangan pelancong ke Taman Negeri Royal belum dijangka seramai 140,000 orang menjelang 2030.
- Meningkatkan ekonomi Daerah Hulu Perak dengan hasil daripada aktiviti pelancongan yang dijangka dapat mencecah sehingga RM 53.8 juta.
- Mewujudkan hampir 1000 peluang pekerjaan kepada penduduk Daerah Hulu Perak
- Menyokong cadangan TNRB ke arah mendapatkan pengiktirafan UNESCO sebagai tapak warisan dunia.

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)		Fasa 1 (2016-2020)	√
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)		Fasa 2 (2021-2025)	
High Impact Transformation Project (>10 tahun)	√	Fasa 3 (2026-2030	

RAJAH 4.1.1

Rajah 4.1.1: Cadangan Pengukuhan Produk Pelancongan Bertaraf Antarabangsa Taman Negeri Royal Belum, Tasik Temengor , Belum Discovery Centre dan Pulau Tali Kail



Nota[1]:
Zon pembangunan di dalam Taman Negeri Royal Belum merujuk kepada kawasan di dalam lingkungan 1.5km dari sungai.

Aktiviti pembangunan di dalam zon ini perlu mematuhi pelan induk Taman Negeri Royal Belum yang di dalam peringkat penyediaan dan daya tampungan nya (*carrying capacity*).

4.1 Mengantarabangsakan Produk Pelancongan *Eco Tourism* dan Warisan Sejarah

4.1.2 MEMBANGUNKAN DAN MEMPROMOSI PULAU BANDING SEBAGAI PUSAT PERANGINAN DAN PERSIDANGAN PEMIMPIN DUNIA DAN SYARIKAT ANTARABANGSA MENGADAKAN PEMUKIMAN (*RETREAT*)

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
Lokasi	Pulau Banding
No Lot	-
Keluasan	-

DESKRIPSI

i. Pembangunan pusat peranginan dan persidangan bertaraf antarabangsa yang dilengkap dengan kemudahan dan perkhidmatan yang setara dengan keperluan untuk mengadakan persidangan pemimpin dunia atau firma antarabangsa .
ii. Penyediaan kemudahan di antaranya kemudahan penginapan, helipad, *highspeed broadband* , bilik persidangan, kemudahan sukan, pusat 'fitness', kemudahan keselamatan dan lain-lain.

JUSTIFIKASI

i. Pulau Banding adalah merupakan pintu masuk ke alam semulajadi Taman Negeri RoyaL Belum. Bersesuaian dengan latar belakang semulajadi ini, Pulau Banding berpotensi menjadi pusat persidangan /pemukiman (*retreat)* pemimpin dunia dan firma antarabangsa seperti Camp David yang juga berlatarbelakang persekitaran semulajadi.
ii. Dengan penjenamaan Pulau Banding sebagai pusat persidangan /retreat antarabangsa, secara tidak langsung akan mempromosikan Taman Negeri Royal Belum sebagai destinasi eko pelancongan berkualiti.

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)		Fasa 1 (2016-2020)	√
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)		Fasa 2 (2021-2025)	
High Impact Transformation Project (>10 tahun)	√	Fasa 3 (2026-2030)	

RAJAH 4.1.2

Ilustrasi Cadangan Pusat Persidangan Pemimpin Dunia

Rajah 4.1.2: Cadangan Pulau Banding Sebagai Pusat Peranginan, Persidangan dan Pemukiman Pemimpin Dunia



Petunjuk

- Hutan
- Badan air
- Pengangkutan
- Komersial
- Pusat Perikanan
- Cadangan Komersial
- Cadangan Kemudahan Masyarakat
- * Lokasi Tempat Persidangan Pemimpin Dunia

4.1 Mengantarabangsakan Produk Pelancongan *Eco Tourism* dan Warisan Sejarah

4.1.3 MENINGKATKAN IMEJ DAN KEMUDAHAN PRODUK PELANCONGAN TAPAK WARISAN DUNIA LEMBAH LENGGONG

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
Lokasi	Galeri Arkeologi Lembah Lenggong, Kota Tampan dan Gua-gua Arkeologi
No Lot	-
Keluasan	-

DESKRIPSI

i. Galeri Arkeologi Lembah Lenggong mempamerkan keunikan peninggalan pra sejarah seperti rangka Perak Man serta artifak-artifak pada zaman tersebut manakala gua-gua arkeologi menunjukkan aktiviti masyarakat pra sejarah.
ii. Penyediaan kemudahan asas dan elemen landskap di kawasan Tapak Warisan Dunia Lembah Lenggong selaras dengan cadangan Pelan Pengurusan Pemuliharaan (CMP) bagi meningkatkan daya tarikan dan kedatangan pengunjung.
iii. Penyediaan elemen *sense of welcoming* bagi kawasan muzium.
iv. Penaiktarafan jalan ke kawasan gua-gua arkeologi tanpa menjejaskan tapak arkeologi tersebut.
v. Peningkatkan aktiviti promosi oleh Jabatan Warisan, Tourism Perak, MDLG dan lain-lain. bagi memperkenalkan serta meningkatkan lagi kedatangan pelancong ke kawasan ini.
vi. Galeri Arkeologi Lembah Lenggong, tapak terbuka Kota Tampan, Bukit Bunuh, Bukit Jawa serta gua-gua arkeologi yang terdiri daripada Gua Kajang, Gua Gunung Runtuh, Gua Teluk Kelawar dan Gua Harimau merupakan Rancangan Kawasan Khas seperti mana di dalam dokumen *Conservation Management Plan*.

JUSTIFIKASI

- Tapak Warisan Dunia Arkeologi Lembah Lenggong merupakan tapak warisan yang diiktiraf oleh UNESCO di mana kawasan ini perlu dipulihara serta diselenggara dengan sebaiknya.
- Pengiktirafan ini menjadi pemangkin kepada aktiviti pelancongan pra sejarah yang akan meletakkan tapak ini sebagai destinasi pelancongan antarabangsa.

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)	√	Fasa 1 (2016-2020)	√
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)		Fasa 2 (2021-2025)	
High Impact Transformation Project (>10 tahun)		Fasa 3 (2026-2030	

RAJAH 4.1.3 dan 4.1.4

Rajah 4.1.3: Tapak Warisan Dunia Lembah Lenggong



Petunjuk

- Institusi dan Kemudahan Masyarakat
- Pertanian
- Pengangkutan
- Infrastruktur dan Utiliti
- Badan Air
- Komersial
- Sempadan *Conservation Management Plan*
- Sempadan *Property Zone*
- Tapak Warisan Dunia Lembah Lenggong
- Gua-gua Arkeologi

4.1 Mengantarabangsakan Produk Pelancongan *Eco Tourism* dan Warisan Sejarah

4.1.4 MENINGKATKAN IMEJ DAN KEMUDAHAN PRODUK PELANCONGAN TAPAK WARISAN DUNIA LEMBAH LENGGONG

Rajah 4.1.4: Ilustrasi Cadangan Pelancongan di Tapak Warisan Dunia Lembah Lenggong



Ilustrasi Cadangan *Canopy Walk* di Gua Gunung Runtuh

Ilustrasi Cadangan *'Food Outlet'* di Gua Teluk Kelawar

Ilustrasi Cadangan Tempat Penemuan Arkeologi di Bukit Jawa

Petunjuk

- Pengangkutan
- Gua-gua dan kawasan arkeologi



Ilustrasi Cadangan Cross-Section di Bukit Bunoh

Sumber: Conservation Management Plan Tapak Warisan Dunia Lembah Lenggong

4.2 Mewujud Dan Membangunkan Tarikan Produk Pelancongan Baru

4.2.1 MEMBANGUNKAN PRODUK PELANCONGAN BARU DI KAWASAN MAJLIS DAERAH PENGKALAN HULU

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
Lokasi	Pengkalan Hulu
No Lot	-
Keluasan	-

DESKRIPSI

i. Memperkenalkan produk pelancongan baru seperti berikut:
a) Tin Valley
b) Border Town
c) Muzium Pengkalan Hulu

ii. Komponen Pembangunan Tin Valley yang dicadangkan adalah seperti berikut:

a) Industri Perlombongan
- Pusat Pemprosesan, Pusat Pencairan Mineral dan sebagainya

b) Bandar Baru
- Perumahan dan komersial

c) Pusat Penyelidikan dan Pembangunan

d) Industri-industri Sokongan
- Industri pelancongan, keselamatan, perkhidmatan kewangan, hub logistik dan sebagainya.

e) Pusat Pembangunan Sumber Manusia

JUSTIFIKASI

- Pembangunan produk baru diperkenalkan di Daerah Hulu Perak adalah untuk mempelbagaikan produk pelancongan dan mengoptimumkan potensi sumber sedia ada yang belum dimajukan bagi menjana pertumbuhan ekonomi Daerah Hulu Perak.
- Mempelbagaikan aktiviti ekonomi, meningkatkan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.
- Meningkatkan kedatangan pelancong sama ada dari dalam negara atau dari luar negara.

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)		Fasa 1 (2016-2020)	√ i(b)
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)	√ i(c)	Fasa 2 (2021-2025)	√ i(c)
High Impact Transformation Project (>10 tahun)	√ i(a) & i(b)	Fasa 3 (2026-2030	√ i(a)

RAJAH 4.2.1, 4.2.2, 4.2.3

a) Tin Valley

Rajah 4.2.1: Cadangan Pembangunan Tin Valley



Petunjuk

- Perlombongan Sedia Ada
- Pertanian
- Perumahan
- Komersial
- Hutan
- Cadangan Kawasan Perlombongan
- * Cadangan Pembangunan Tin Valley

Ilustrasi Cadangan Bandar Baru di dalam Tin Valley

4.2 Mewujud Dan Membangunkan Tarikan Produk Pelancongan Baru

4.2.1 MEMBANGUNKAN PRODUK PELANCONGAN BARU DI KAWASAN MAJLIS DAERAH PENGKALAN HULU

b) Border Town

Rajah 4.2.2: Cadangan Pembangunan *Border Town*



Petunjuk

- Institusi Kerajaan dan Kemudahan Masyarakat
- Komersial
- Pengangkutan
- Pertanian
- Infrastruktur dan Utiliti
- Cadangan Komersial (Border Town)
- Cadangan Perindustrian
- Sempadan Kawasan Cadangan

Ilustrasi Cadangan Pusat Perniagaan di Border Town

c) Muzium Pengkalan Hulu

Muzium mempamerkan profil dan sejarah Pengkalan Hulu yang di antaranya meliputi sejarah:

- Raja Reman dan sejarah Pengkalan Hulu
- Serangan Komunis di Klian Intan
- Sempadan Malaysia – Thailand
- Sejarah aktiviti perlombongan timah

Rajah 4.2.3: Cadangan Pembangunan Muzium Pengkalan Hulu



Petunjuk

- Institusi Kerajaan dan Kemudahan Masyarakat
- Perumahan
- Komersial
- Pengangkutan
- Kawasan Lapang dan Rekreasi
- Badan Air
- Infrastruktur dan Utiliti
- Tapak Cadangan Muzium Pengkalan Hulu

Sejarah Aktiviti Melombong



Pemerintahan Raja Reman di Pengkalan Hulu

4.2 Mewujud Dan Membangunkan Tarikan Produk Pelancongan Baru

4.2.2 MEMBANGUNKAN PRODUK PELANCONGAN BARU DI KAWASAN MAJLIS DAERAH GERIK

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
Lokasi	Pulau Banding
No Lot	-
Keluasan	-

DESKRIPSI

i. Memperkenalkan produk pelancongan baru iaitu Pill Box Orang Asli di Pulau Banding
ii. Pill Box ini akan mempamerkan aktiviti dan sosio budaya Orang Asli.

JUSTIFIKASI

- Mempelbagai produk pelancongan di kawasan Pulau Banding dengan mengoptimumkan potensi produk sedia ada yang belum dimajukan bagi menjana pertumbuhan ekonomi Daerah Hulu Perak khususnya kawasan MDG.
- Menjadi produk pelancongan sokongan kepada Taman Negeri Royal Belum.
- Meningkatkan kedatangan pelancong sama ada dari dalam negara atau dari luar negara.

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)		Fasa 1 (2016-2020)	√
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)	√	Fasa 2 (2021-2025)	
High Impact Transformation Project (>10 tahun)		Fasa 3 (2026-2030	

RAJAH 4.2.4

Rajah 4.2.4: Cadangan Pill Box Orang Asli di Pulau Banding



Petunjuk

- Hutan
- Badan air
- Pengangkutan
- Komersial
- Pusat Perikanan
- Cadangan Komersial
- Cadangan Kemudahan Masyarakat
- Pill Box Sedia Ada
- Tapak Cadangan Pill Box Orang Asli

4.2 Mewujud Dan Membangunkan Tarikan Produk Pelancongan Baru

4.2.3 MEMBANGUNKAN PRODUK PELANCONGAN BARU DI KAWASAN MAJLIS DAERAH LENGGONG

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
Lokasi	Lenggong
No Lot	-
Keluasan	3028.5 hektar

DESKRIPSI

i. Memperkenalkan produk pelancongan baru:
   a) Lenggong Agro Valley
   b) Komunis Trail (Bukit Changkat Berangan)
   c) Rumah dan Makanan Tradisional

ii. Lenggong Agro Valley dicadangkan sebagai Rancangan Kawasan Khas yang mengambil kira komponen pembangunan seperti:
   a) Penternakan
   b) Perikanan
   c) Pertanian
   d) Industri Asas Tani
   e) Perumahan, pentadbiran dan pendidikan

JUSTIFIKASI

- Mempelbagaikan produk pelancongan dan bagi menjana pertumbuhan ekonomi Daerah Hulu Perak khususnya di kawasan MDLG.
- Menyokong pembangunan sektor pertanian.
- Meningkatkan kedatangan pelancong sama ada dari dalam negara atau dari luar negara.

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)	√ i(c)	Fasa 1 (2016-2020)	√
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)	√ i(b)	Fasa 2 (2021-2025)	
High Impact Transformation Project (>10 tahun)	√ i(a)	Fasa 3 (2026-2030	

RAJAH 4.2.5, 4.2.6, 4.2.7

Ilustrasi Cadangan Lenggong Agro Valley

a) Lenggong Agro Valley

Rajah 4.2.5: Cadangan Lenggong Agro Valley



Petunjuk

- Perumahan
- Hutan
- Pertanian
- Infrastruktur dan Utiliti
- Badan Air
- Tapak Cadangan Lenggong Agro Valley

4.2 Mewujud Dan Membangunkan Tarikan Produk Pelancongan Baru

4.2.3 MEMBANGUNKAN PRODUK PELANCONGAN BARU DI KAWASAN MAJLIS DAERAH LENGGONG

b) Komunis Trail (Bukit Changkat Berangan)

Rajah 4.2.6: Lokasi Komunis Trail di Bukit Changkat Berangan



Petunjuk

- Institusi Kerajaan
- Perumahan
- Pengangkutan
- Pertanian
- Tanah Lapang
- Industri
- Badan Air
- Kawasan Jejak Komunis

- Bukit Changkat Berangan dahulunya merupakan kawasan yang dikelilingi hutan belantara dan banjaran. Oleh yang demikian kawasan ini diakui sebagai kawasan hitam kerana menjadi laluan komunis menghubungkan utara ke Pantai Timur serta bersempadan dengan Thailand.
- Selain itu, antara kesan peninggalan yang terdapat di Bukit Changkat Berangan ini seperti kapal terbang milik tentera British yang terhempas di kawasan hutan Bukit Changkat Berangan.

Bukti Barang Peningggalan British dan Komunis di Bukit Changkat Berangan

Sumber: Sejarah dan Kesan Kekejaman Komunis di Lenggong, Jabatan Warisan Negara 2015

4.2 Mewujud Dan Membangunkan Tarikan Produk Pelancongan Baru

4.2.3 MEMBANGUNKAN PRODUK PELANCONGAN BARU DI KAWASAN MAJLIS DAERAH LENGGONG

c) Rumah dan Makanan Tradisional

Rajah 4.2.7: Lokasi Rumah Tradisional Lenggong



Petunjuk

- Institusi Kerajaan dan Kemudahan Masyarakat
- Komersial
- Pengangkutan
- Perumahan
- Kawasan Lapang
- Infrastruktur dan Utiliti
- Pertanian
- Badan Air
- Kawasan Kampung Tradisi

Rumah Tradisional Lenggong di Kampung Gelok

Masak Lemak Ikan Pekasam	Kerabu Umbut Tepus Gajah	Nasi Ulam
Sambal Serai	**Nasi Daun Lerek**	**Penjan Ubi**

Ilustrasi Makanan Tradisional Lenggong

4.3 Meningkatkan Tarikan dan Kualiti Produk Pelancongan Sedia Ada

4.3.1 MENAIKTARAF KEMUDAHAN DAN MENINGKATKAN AKTIVITI PELANCONGAN SEDIA ADA DI KAWASAN MAJLIS DAERAH PENGKALAN HULU

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
Lokasi	**Majlis Daerah Pengkalan Hulu** a) Gua Gendang dan Gua Itik b) Bukit Sejuk c) Kampung Tasek d) Istana dan Makam Raja Reman e) Kolam Air Panas f) Kompleks Bebas Cukai g) Batu Sempadan Malaysia-Thailand h) Lata Sungai Hitam i) Rahman Hydraulic

DESKRIPSI

Kawasan	Cadangan Kemudahan Asas	Aktiviti dan Program
Gua Gendang, Gua Itik, Bukit Sejuk dan Lata Sungai Hitam	**Gua Gendang dan Gua Itik** • Wakaf dan tempat duduk • Papan tanda informasi • Bilik mandi & bilik persalinan • Surau • Tempat letak kenderaan • Trek pejalan kaki **Bukit Sejuk** • ***Outlook point*** • Wakaf • Papan tanda informasi **Lata Sungai Hitam** • Wakaf dan tempat duduk • Tempat letak kenderaan • Papan tanda informasi • Bilik mandi & bilik persalinan • Kiosk makanan • Tapak perkhemahan	**Gua Gendang dan Gua Itik:** • Menerokai gua **Bukit Sejuk** • Melihat keindahan flora dan fauna dari ***outlook point*** **Lata Sungai Hitam** • Bermandi manda • Berkhemah
Kampung Tasek, Istana dan Makam Raja Reman, Kompleks Bebas Cukai	**Kampung Tasek** • Wakaf dan tempat duduk • Papan tanda informasi • Kedai cenderamata **Istana dan Makam Raja Reman** • Papan tanda informasi • Lampu jalan **Kompleks Bebas Cukai** • Wakaf dan tempat duduk • Surau • Telefon awam • Kedai makan	**Kampung Tasek** • Petunjukan kebudayaan • Aktiviti keagamaan • Mengambil gambar **Istana dan Makam Raja Reman** • Mempelajari serta memahami sejarah pemerintahan Raja Reman • Menziarahi makam **Kompleks Bebas Cukai** • Membeli-belah
Kolam Air Panas	• Menaiktaraf kolam • Kiosk cenderamata • Bilik mandi & bilik persalinan	• Rendaman air panas • Hari keluarga • Beriadah • Kem motivasi
Rahman Hydraulic	• Ruang pameran dan multimedia • Ruang demonstrasi aktiviti • Tempat letak kenderaan • Kedai cenderahati • Kiosk /cafetaria • Tandas Awam	• Melihat kawasan perlombongan • Mempelajari cara-cara pemprosesan bijih timah

JUSTIFIKASI

- Produk pelancongan sedia ada di kawasan kajian mempunyai kualiti visual yang menarik tetapi tidak mempunyai aktiviti serta kemudahan asas yang mencukupi.

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)	√	Fasa 1 (2016-2020)	√
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)		Fasa 2 (2021-2025)	
High Impact Transformation Project (>10 tahun)		Fasa 3 (2026-2030	

RAJAH 4.3.1

Rajah 4.3.1: Ilustrasi Cadangan Menaiktaraf Produk Pelancongan Sedia Ada di Gua Gendang, Gua Itik dan Lata Sungai Hitam.





4.3 Meningkatkan Tarikan dan Kualiti Produk Pelancongan Sedia Ada

4.3.2 MENAIKTARAF KEMUDAHAN DAN MENINGKATKAN AKTIVITI PELANCONGAN SEDIA ADA DI KAWASAN MAJLIS DAERAH GERIK

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK

Lokasi	**Majlis Daerah Gerik** a) Air Beruk b) Lata Pinang c) Lata Tanjung Kala d) Lata Kulim e) Lata Ulu Lawin f) Dataran Loma g) Gunung Kenderong h) Puncak Baring i) Pasar Malam Gerik

DESKRIPSI

Kawasan	Kemudahan Asas	Aktiviti dan Program
Air Beruk, Lata Pinang, Lata Tanjung Kala, Lata Kulim dan Lata Ulu Lawin	**Air Beruk** • Wakaf dan tempat duduk • Bilik mandi dan bilik persalinan • Tempat letak kenderaan • Papan tanda arah • Papan tanda informasi **Lata Pinang dan Lata Tanjung Kala** • Trek pejalan kaki • Tempat letak kenderaan • Bilik mandi dan bilik persalinan • Papan tanda arah • Kiosk makanan **Lata Kulim dan Lata Ulu Lawin** • Tempat letak kenderaan • Trek pejalan kaki • Bilik mandi dan bilik persalinan • Papan tanda arah	**Air Beruk** ▪ Bermandi-manda ▪ Berekreasi dan berkhemah **Lata Pinang dan Lata Tanjung Kala** • Bermandi-manda • Berkhemah ▪ Sukan Air seperti berkayak **Lata Kulim dan Lata Ulu Lawin** ▪ Bermandi-manda ▪ Berekreasi ▪ Berkhemah
Dataran Loma	• Surau • Tong sampah • Lampu jalan • Papan tanda arah	• Memancing • Beriadah
Gunung Kenderong dan Puncak Baring	**Gunung Kenderong** • Papan tanda informasi • ***Outlook point*** • Papan tanda arah **Puncak Baring** • Papan tanda arah • Wakaf dan tempat duduk • Kedai cenderamata	**Gunung Kenderong** • Melihat pemandangan hijau dari aras lebih tinggi • ***Hiking*** • Berkhemah **Puncak Baring** • Melihat pemandangan hijau dari aras lebih tinggi
Pasar Malam Gerik	• Lot-lot gerai yang teratur • Wakaf dan tempat duduk • Tandas awam • Surau • Lampu jalan • Kiosk makanan	**Pagi : Pasar Pagi dan Pasar Tani** **Malam : Pasar Malam (dibuka setiap hari)** • Membeli-belah • Merasai makanan tradisi Perak

JUSTIFIKASI

- Produk pelancongan sedia ada di kawasan kajian mempunyai kualiti visual yang menarik tetapi tidak mempunyai aktiviti serta kemudahan asas yang mencukupi.

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)	√	Fasa 1 (2016-2020)	√
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)		Fasa 2 (2021-2025)	
High Impact Transformation Project (>10 tahun)		Fasa 3 (2026-2030	

RAJAH 4.3.2 dan 4.3.3

Rajah 4.3.2: Cadangan Menaiktaraf Produk Pelancongan Lata Pinang dan Lata Tanjung Kala

Lata Pinang dan Lata Tanjung Kala



Trek Pejalan Kaki	Papan Tanda Arah

Ilustrasi Kemudahan Asas Pelancongan

4.3 Meningkatkan Tarikan dan Kualiti Produk Pelancongan Sedia Ada

4.3.2 MENAIKTARAF KEMUDAHAN DAN MENINGKATKAN AKTIVITI PELANCONGAN SEDIA ADA DI KAWASAN MAJLIS DAERAH GERIK

Rajah 4.3.3: Ilustrasi Cadangan Menaiktaraf Pasar Malam Gerik



Surau

Kiosk Makanan

Ilustrasi Kemudahan Asas Pelancongan

4.3 Meningkatkan Tarikan dan Kualiti Produk Pelancongan Sedia Ada

4.3.3 MENAIKTARAF KEMUDAHAN DAN MENINGKATKAN AKTIVITI PELANCONGAN SEDIA ADA DI KAWASAN MAJLIS DAERAH LENGGONG

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
Lokasi	**Majlis Daerah Lenggong** a) Tasik Raban b) Hutan Lipur Lata Kekabu c) Ladang Rusa d) Ladang Teh e) Homestay Kampung Beng f) Kompleks Ikan Pekasam g) Makam-makam yang diwarta di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005

DESKRIPSI

Kawasan	Kemudahan Asas	Aktiviti dan Program
i.. Tasik Raban dan Hutan Lipur Lata Kekabu	**Tasik Raban** • Wakaf dan tempat duduk • Papan tanda informasi • Naik taraf jeti awam **Hutan Lipur Lata Kekabu** • Bilik mandi dan bilik persalinan • Surau • Tandas awam • Lampu jalan • Lot permainan kanak-kanak	**Tasik Raban** ▪ Berekreasi ▪ Berkayak ▪ Memancing ▪ Mengelilingi Tasik Raban **Hutan Lipur Lata Kekabu** ▪ Bermandi-manda ▪ Berekreasi ▪ Berkhemah
ii. Homestay Kampung Beng	• Telefon awam • Kedai cenderamata • Lampu jalan • Lot permainan kanak-kanak	• Mempelajari kebudayaan masyrakat kampung • Memancing • Persembahan kebudayaan • Bermandi manda • Program keluarga angkat
iii. Ladang Rusa dan Ladang Teh	**Ladang Rusa** • Wakaf dan tempat duduk • Papan tanda informasi • Kiosk cenderamata • Papan tanda arah **Ladang Teh** • Papan tanda informasi • Kiosk makanan • Papan tanda arah • Kiosk cenderamata	**Ladang Rusa** • Melawat tempat ternakan rusa • Mempelajari cara-cara penyembelihan rusa **Ladang Teh** • Mempelajari cara-cara pemprosesan teh • Melawat kawasan tanaman teh
iv. Kompleks Ikan Pekasam	• Ruang demostrasi membuat pekasam • Ruang pameran • Lampu jalan • Kedai makan yang menyediakan lauk berasaskan ikan pekasam	• Mempelajari cara membuat ikan pekasam
v. Makam-makam yang diwarta di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005	• Papan tanda arah • Papan tanda infomasi • Lampu jalan	• Menziarahi makam dan mempelajari sejarah

JUSTIFIKASI

- Produk pelancongan sedia ada di kawasan kajian mempunyai kualiti visual yang menarik tetapi tidak mempunyai aktiviti serta kemudahan asas yang mencukupi.

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)	√ (iii)	Fasa 1 (2016-2020)	√
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)	√ (i), (ii), (iv), (v)	Fasa 2 (2021-2025)	
High Impact Transformation Project (>10 tahun)		Fasa 3 (2026-2030	

RAJAH 4.3.4 dan 4.3.5

Rajah 4.3.4: Ilustrasi Cadangan Menaiktaraf Produk Pelancongan di Tasik Raban



4.3 Meningkatkan Tarikan dan Kualiti Produk Pelancongan Sedia Ada

4.3.3 MENAIKTARAF KEMUDAHAN DAN MENINGKATKAN AKTIVITI PELANCONGAN SEDIA ADA DI KAWASAN MAJLIS DAERAH LENGGONG

Rajah 4.3.5: Ilustrasi Cadangan Menaiktaraf Produk Pelancongan di Ladang Rusa dan Ladang Teh

Ladang Rusa



Ladang Teh



4.4 Meningkatkan Tahap Kemudahsampaian ke Destinasi Pelancongan

4.4.1 CADANGAN PENYEDIAAN PERKHIDMATAN SHUTTLE BAS DAN MENAIKTARAF JALAN KE DESTINASI PELANCONGAN

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
Lokasi	Pengkalan Hulu, Gerik dan Lenggong

DESKRIPSI

i. Menyediakan perkhidmatan shuttle bas ke kawasan-kawasan pelancongan seperti:
   a) Cadangan Shuttle Bas dari Pengkalan Hulu ke Kolam Air Panas dan Kompleks Bebas Cukai/Border Town serta dari Pengkalan Hulu ke Kg. Tasek – Gua Gendang /Gua Itik
   b) Cadangan Shuttle Bas dari Gerik ke Jeti Awam Pulau Banding dan Belum Discovery Centre
   c) Cadangan Shuttle Bas dari Pekan Lenggong ke Muzium Arkeologi Lenggong dan ke Jeti Kg Beng

ii. Menaiktaraf jalan ke kawasan pelancongan dengan pelebaran jalan berturap, dan pengindahan landskap yang cantik bagi memudahkan dan menarik perhatian para pengunjung.

iii. Antara jalan masuk ke kawasan pelancongan yang dicadangkan untuk dinaiktaraf adalah seperti:

Lokasi	Jajaran Jalan	Lebar Jalan
Gua Gendang dan Gua Itik	Dari chalet ke kawasan gua	Laluan denai yang jelas
Makam Raja Reman	Dari Jalan Tasek masuk ke kawasan makam	Laluan denai yang jelas
Bukit Sejuk	Dari Kampung Kuak Luar ke jalan masuk Bukit Sejuk	Jalan berturap 5 meter
	Dari kaki Bukit Sejuk ke puncak Bukit Sejuk	Laluan denai yang jelas
Lata Pinang dan Lata Tanjung Kala	Dari Jalan Gerik-Kupang ke kawasan lata	Jalan berturap 5 meter
Gunung Kenderong	Dari Jalan Gerik-Kupang ke kaki Gunung Kenderong	Jalan berturap 5 meter
	Dari kaki gunung ke puncak Gunung Kenderong	Laluan denai yang jelas
Ladang Teh	Dari jalan tempatan ke Ladang Teh	Jalan berturap 10 meter
Makam-makam yang diwarta di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005	Dari jalan tempatan ke kawasan makam	Laluan berturap 3 meter

JUSTIFIKASI

- Meningkatkan tahap kemudahsampaian ke kawasan pelancongan. Hal ini adalah untuk memudahkan para pengunjung untuk sampai ke destinasi pelancongan.
- Menyediakan laluan yang jelas dan jalan yang sempurna untuk kemudahan pelancong.
- Meningkatkan daya saing produk pelancongan

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)	√	Fasa 1 (2016-2020)	√
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)		Fasa 2 (2021-2025)	
High Impact Transformation Project (>10 tahun)		Fasa 3 (2026-2030	

RAJAH 4.4.1, 4.4.2 dan 4.4.3

Rajah 4.4.1: Cadangan Laluan Shuttle Bas di Kawasan Majlis Daerah Pengkalan Hulu



Petunjuk

- Cadangan Laluan *Shuttle Bas*
- *Pit Stop Shuttle Bas*
- Pengangkutan
- Badan Air

Ilustrasi Stesen Bas bagi Pelancong

4.4 Meningkatkan Tahap Kemudahsampaian ke Destinasi Pelancongan

4.4.2 PENYEDIAAN PERKHIDMATAN SHUTTLE BAS DARI DARI GERIK KE JETI AWAM PULAU BANDING DAN BELUM DISCOVERY CENTRE

Rajah 4.4.2: Cadangan Laluan Shuttle Bas di Kawasan Majlis Daerah Gerik



Petunjuk

- Cadangan Laluan *Shuttle Bas*
- *Pit Stop Shuttle Bas*
- Pengangkutan
- Badan Air

Ilustrasi Papan Tanda Maklumat Kawasan Pelancongan yang boleh diletakkan di Stesen Bas

4.4.3 PENYEDIAAN PERKHIDMATAN SHUTTLE BAS DARI PEKAN LENGGONG KE MUZIUM ARKEOLOGI LENGGONG DAN KE JETI KG BENG

Rajah 4.4.3: Cadangan Laluan Shuttle Bas di Kawasan Majlis Daerah Lenggong



Petunjuk

- Cadangan Laluan *Shuttle Bas*
- *Pit Stop Shuttle Bas*
- Pengangkutan
- Badan Air
- Kawasan Kampung Tradisi

Ilustrasi Pusat Informasi Elektronik yang boleh diletakkan di Stesen Bas

4.5 Meningkatkan tahap penyediaan kemudahan sokongan dan perkhidmatan pelancongan

4.5.1 MEMBANGUNKAN PULAU BANDING, PENGKALAN HULU, GERIK DAN LENGGONG SEBAGAI NODUS PELANCONGAN

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
Lokasi	Pulau Banding, Pekan Pengkalan Hulu, Bandar Gerik dan Pekan Lenggong
No Lot	Lot Komersial di dalam Pulau Banding, Pekan Pengkalan Hulu, Bandar Gerik dan Pekan Lenggong
Keluasan	-

DESKRIPSI

Kawasan	Kemudahan
a) Pulau Banding b) Pekan Pengkalan Hulu c) Bandar Gerik d) Pekan Lenggong	• Penginapan pelancongan seperti pusat peranginan, chalet dan hotel • Pusat khidmat pelancong • Agensi pelancongan • Perkhidmatan tukar wang • Perkhidmatan pengangkutan /kereta sewa

JUSTIFIKASI

- Menyediakan kemudahan penginapan dan perkhidmatan sokongan kepada pelancong.
- Menyediakan pusat khidmat pelancongan bagi memberikan perkhidmatan setempat berkaitan kawasan pelancongan, mod pengangkutan, kemudahan penginapan dan lain-lain perkhidmatan kepada pelancong.

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)	√	Fasa 1 (2016-2020)	√
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)		Fasa 2 (2021-2025)	
High Impact Transformation Project (>10 tahun)		Fasa 3 (2026-2030	

RAJAH 4.5.1

Rajah 4.5.1: Cadangan Pulau Banding, Pengkalan Hulu, Gerik dan Lenggong sebagai Nodus Pelancongan



4.6 Meningkatkan Promosi Produk Pelancongan

4.6.1 CADANGAN JEJAK PELANCONGAN (TOURISM TRAIL) UTAMA DI DAERAH HULU PERAK

Jejak pelancongan keseluruhan Daerah Hulu Perak adalah meliputi kawasan-kawasan pelancongan yang mempunyai nilai-nilai kualiti visual yang istimewa dan tersendiri. Laluan ini sesuai untuk dipromosi sebagai jejak pelancongan antarabangsa. Berikut merupakan laluan pelancongan utama di Daerah Hulu Perak.

1. Gua Gendang dan Gua Itik
2. Taman Negeri Royal Belum, Tasik Temengor, Pulau Tali Kail dan Belum Discovery Centre
3. Tapak Warisan Dunia Lembah Lenggong
4. Homestay Kampung Beng
5. Kuala Kangsar

Rajah 4.6.1: Cadangan Jejak Pelancongan Utama Daerah Hulu Perak



4.6 Meningkatkan Promosi Produk Pelancongan

4.6.2 CADANGAN JEJAK DAN PAKEJ PELANCONGAN EKO-SEJARAH DI KAWASAN MAJLIS DAERAH PENGKALAN HULU

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
Lokasi	Pengkalan Hulu
No Lot	-
Keluasan	-

DESKRIPSI

Cadangan jejak dan pakej pelancongan terdiri daripada tiga pakej seperti berikut:

Pakej A (2 hari 1 malam)
Istana & Makam Raja Reman → Kampung Tasek (Pesta Songkran*) → Gua Gendang→ Gua Itik → Kompleks Bebas Cukai → Batu Sempadan Malaysia – Thailand→ Kolam Air Panas

Pakej B (2 hari 1 malam)
Istana & Makam Raja Reman → Kampung Tasek (Pesta Songkran*) → Gua Gendang→ Gua Itik → Muzium Pengkalan Hulu→ Kompleks Bebas Cukai → Bazar Bumbung Hijau→ Batu Sempadan Malaysia – Thailand→ Kolam Air Panas

Pakej C (1 hari)
Lombong Bijih Timah Rahman Hydraulic (***Mining Trail***)

Penginapan : Hotel-hotel di sekitar Pekan Pengkalan Hulu
Mod Pengangkutan: Memandu sendiri, berbasikal dan melalui operator program

JUSTIFIKASI

- Memperkenalkan jejak dan pakej-pakej pelancongan yang terdapat di dalam kawasan Majlis Daerah Pengkalan Hulu.
- Memberi pelbagai pilihan kepada pelancong untuk memilih destinasi pelancongan.
- Membantu pihak MDPH/Tourism Perak /agensi pelancongan di dalam mempromosi produk pelancongan.
- Meningkatkan kedatangan pelancong dari dalam dan luar negara.

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)	√	Fasa 1 (2016-2020)	√
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)		Fasa 2 (2021-2025)	
High Impact Transformation Project (>10 tahun)		Fasa 3 (2026-2030	

RAJAH 4.6.2, 4.6.3 dan 4.6.4

Jadual Perjalanan Program (Pakej A)

Hari Pertama	
1	Berkumpul dan bersarapan pagi di Pekan Pengkalan Hulu
2	Bergerak ke Istana dan Makam Raja Reman dan mendengar sejarah Raja Reman
3	Melawat ke Kampung Tasek dan berhibur dengan aktiviti kebudayaan (Pesta Songkran*)
4	Bergerak ke Gua Gendang dan Gua Itik serta mendengar taklimat oleh penganjur program dan mengeksplorasi Gua Gendang dan Gua Itik (tamat program)
Hari Kedua	
5	Membeli-belah di Kompleks Bebas Cukai
6	Mengambil gambar di Batu Sempadan Malaysia-Thailand
7	Berekreasi di Kolam Air Panas Pengkalan Hulu (tamat program)

- Pesta Songkran diraikan di Kampung Tasek pada tarikh tertentu iaitu 13 dan 14 April setiap tahun.

Rajah 4.6.2: Cadangan Jejak dan Pakej Pelancongan Eko-sejarah (Pakej A) di Kawasan Majlis Daerah Pengkalan Hulu



4.6 Meningkatkan Promosi Produk Pelancongan

4.6.2 CADANGAN JEJAK DAN PAKEJ PELANCONGAN EKO-SEJARAH MAJLIS DAERAH PENGKALAN HULU

Jadual Perjalanan Program (Pakej B)

Hari Pertama	
1	Berkumpul dan bersarapan pagi di Pekan Pengkalan Hulu
2	Bergerak ke Istana dan Makam Raja Reman dan mendengar sejarah Raja Reman
3	Melawat ke Kampung Tasek dan berhibur dengan aktiviti kebudayaan (Pesta Songkran*)
4	Bergerak ke Gua Gendang dan Gua Itik serta mendengar taklimat oleh penganjur program dan mengeksplorasi Gua Gendang dan Gua Itik (tamat program)
Hari Kedua	
5	Melawat Muzium Pengkalan Hulu di Pekan Pengkalan Hulu
6	Membeli-belah di Bazar Bumbung Hijau
7	Membeli-belah di Kompleks Bebas Cukai
8	Mengambil gambar di Batu Sempadan Malaysia-Thailand
9	Berekreasi di Kolam Air Panas Pengkalan Hulu (tamat program)

Rajah 4.6.3: Cadangan Jejak dan Pakej Pelancongan Eko-Sejarah (Pakej B) di Kawasan Majlis Daerah Pengkalan Hulu



Jadual Perjalanan Program (Pakej C)

1	Berkumpul dan bersarapan pagi di Pekan Pengkalan Hulu
2	Bergerak ke Klian Intan untuk mendengar taklimat di Pejabat Rahman Hydraulic dan mengambil pas lawatan
3	Bergerak ke kawasan lombong bijih timah milik Rahman Hyraulic. Antaraaktiviti yang akan dijalankan di dalam kawasan lombong seperti: • Melihat cara pembersihan bijih timah • Melawat kawasan sekitar lombong bijih timah • Melihat pemandangan lombong bijih timah dari ***outlook point*** yang disediakan oleh Pihak Rahman Hydraulic
2	Bergerak ke Pejabat Rahman Hydraulic untuk memulangkan pas lawatan (tamat program)

Rajah 4.6.4: Cadangan Jejak dan Pakej Pelancongan Eko-sejarah (Pakej C) di Kawasan Majlis Daerah Pengkalan Hulu



4.6 Meningkatkan Promosi Produk Pelancongan

4.6.3 CADANGAN JEJAK DAN PAKEJ PELANCONGAN EKO DI KAWASAN MAJLIS DAERAH GERIK

LOKASI

Gerik

DESKRIPSI

Cadangan jejak dan pakej pelancongan terdiri daripada 9 pakej (A – G) seperti berikut:

Pakej A (1 hari)

i. Jeti Awam Pulau Banding→ Lokasi Rafflesia→ Sungai Tiang→ Air Terjun Sungai Kooi→ Sira Papan (Kem Sungai Papan)→ Air Terjun Sungai Ruok

ii. Belum Rainforest Resort→ Lokasi Rafflesia→ Sungai Tiang→ Air Terjun Sungai Kooi→ Sira Papan (Kem Sungai Papan)→ Air Terjun Sungai Ruok

Pakej B (2 hari 1 malam)

i. Jeti Awam Pulau Banding→ Lokasi Rafflesia Sungai Gadong→ Sungai Ruok→ Sira Papan (Kem Sungai Papan)→ Santuari Ikan Kelah Tengas dan Temoleh→ Kem Pelancongan→ Sungai Kooi→Kampung Orang Asli Sungai Kejar→Belum Discovery Centre ATAU

ii.Belum Forest Resort→ Lokasi Rafflesia Sungai Gadong→ Sungai Ruok→ Sira Papan (Kem Sungai Papan)→ Santuari Ikan Kelah Tengas dan Temoleh→ Kem Pelancongan→ Sungai Kooi→Kampung Orang Asli Sungai Kejar→Belum Discovery Centre

Penginapan : Belum Rainforest Resort, Sri Inai Inn, Kem Pelancongan di dalam Taman Negeri Royal Belum dan hotel-hotel di sekitar Bandar Gerik

Mod Pengangkutan: Melalui operator program

JUSTIFIKASI

- Memperkenalkan jejak dan pakej-pakej pelancongan dan memberi pelbagai pilihan kepada pelancong untuk memilih destinasi pelancongan.
- Membantu pihak MDG/Tourism Perak /Perbadanan Taman Negeri /agensi pelancongan di dalam mempromosi produk pelancongan.
- Meningkatkan kedatangan pelancong terutamanya dari luar negara.

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)	√	Fasa 1 (2016-2020)	√ (Pakej A-F)
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)		Fasa 2 (2021-2025)	√ (Pakej G)
High Impact Transformation Project(>10 tahun)		Fasa 3 (2026-2030	

RAJAH 4.6.5 – 4.6.12

Jadual Perjalanan Program (Pakej A)

1	Berkumpul di Jeti Awam Pulau Banding / Belum Rainforest Resort
2	Bertolak ke lokasi Rafflesia
3	Bertolak ke Kem Pelancogan Sungai Tiang
4	Bergerak ke Air Terjun Sg. Kooi
5	Bertolak ke Sira Papan (Trekking 20 Minit) dan makan tengah hari di Kem Sungai Papan
6	Bermandi-manda di Air Terjun Sg. Ruok
7	Bertolak ke Jeti Awam Pulau Banding / Belum Rainforest Resort (tamat program)

Rajah 4.6.5: Cadangan Jejak dan Pakej Eko Pelancongan (Pakej A) di Kawasan Majlis Daerah Gerik



4.6 Meningkatkan Promosi Produk Pelancongan

4.6.3 CADANGAN JEJAK DAN PAKEJ PELANCONGAN EKO DI KAWASAN MAJLIS DAERAH GERIK

Jadual Perjalanan Program (Pakej B)

Hari Pertama	
1	Berkumpul di Jeti Awam Pulau Banding / Belum Rainforest Resort
2	Bertolak ke Sg.Gadong/ X-Ray untuk melihat bunga rafflesia
3	Bertolak ke Sg. Ruok (kawasan air terjun)
4	Melihat dan bermandi-manda Santuari Ikan Kelah, Tengas & Temoleh.
5	Bertolak ke Sira Papan dan makan tengah hari di Kem Sungai Papan
6	Bertolak ke Kem Pelancongan • Makan malam dan melakukan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh penganjur. • Aktiviti memancing jika terdapat sebarang permintaan
Hari Kedua	
6	Berkumpul dan sarapan pagi di Kem Pelancongan
7	Menyusuri Air Terjun Sg. Kooi dan makan tengah hari
8	Lawatan ke Perkampungan Orang Asli Sg. Kejar
9	Bergerak ke Belum Discovery Centre (tamat program)

Rajah 4.6.6: Cadangan Jejak dan Pakej Eko Pelancongan (Pakej B) di Kawasan Majlis Daerah Gerik



DESKRIPSI

Pakej C (3 hari 2 malam)

i. Jeti Awam Pulau Banding→ Lokasi Rafflesia Sungai Gadong→ Sungai Ruok→Santuari Ikan Kelah Tengas dan Temoleh→ Sira Papan (Kem Sungai Papan)→ Kem Pelancongan→ Sungai Kooi→Kampung Orang Asli Sungai Kejar→Belum Discovery Centre

ii. Belum Rainforest Resort→ Lokasi Rafflesia Sungai Gadong→ Sungai Ruok→Santuari Ikan Kelah Tengas dan Temoleh→ Sira Papan (Kem Sungai Papan)→ Kem Pelancongan→ Sungai Kooi→Kampung Orang Asli Sungai Kejar→Belum Discovery Centre

Penginapan : Belum Rainforest Resort, Sri Inai Inn, Kem Pelancongan di dalam Taman Negeri Royal Belum dan hotel-hotel di sekitar Bandar Gerik

Mod Pengangkutan: Melalui operator program

Jadual Perjalanan Program (Pakej C)

UTARA
Tanpa Skala

Hari Pertama	
1	Berkumpul di Jeti Awam Pulau Banding / Belum Rainforest Resort
2	Bertolak ke Sg.Gadong/ X-Ray untuk melihat bunga rafflesia
3	Bertolak ke Sg. Ruok (kawasan air terjun)
4	Melihat dan bermandi-manda Santuari Ikan Kelah, Tengas & Temoleh.
5	Bertolak ke Sira Papan dan makan tengah hari di Kem Sungai Papan
6	Bertolak ke Kem Pelancongan • Makan malam dan melakukan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh penganjur. • Aktiviti memancing jika terdapat sebarang permintaan
Hari Kedua	
6	Berkumpul dan sarapan pagi di Kem Pelancongan
7	Menyusuri Air Terjun Mes / Sungai Kejar dan makan tengah hari
8	Lawatan ke Perkampungan Orang Asli Aman Damai
9	Pulang ke Kem Pelancongan • Makan malam dan melakukan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh penganjur. • Aktiviti memancing dan ***night trekking*** jika terdapat sebarang permintaan
Hari Ketiga	
6	Berkumpul dan sarapan pagi di Kem Pelancongan serta membuat aktiviti bebas
10	Bergerak ke Belum Discovery Centre (tamat program)

4.6 Meningkatkan Promosi Produk Pelancongan

4.6.3 CADANGAN JEJAK DAN PAKEJ PELANCONGAN EKO DI KAWASAN MAJLIS DAERAH GERIK

Rajah 4.6.7: Cadangan Jejak dan Pakej Eko Pelancongan (Pakej C) di Kawasan Majlis Daerah Gerik



DESKRIPSI

Pakej D (2 hari 1 malam)

i. Belum Rainforest Resort→ Kawasan Rafflesia→ Perkampungan orang asli→ Sira Papan (Kem Sungai Papan)→ Berkelah di Sungai Nam → Banding Night Forest Trail

ii.Mengelilingi Pulau Banding→Memancing di Tasik Temengor →Berakit/berkayak di Tasik Temengor

Penginapan : Belum Rainforest Resort, Sri Inai Inn, Kem Pelancongan di dalam Taman Negeri Royal Belum dan hotel-hotel di sekitar Bnadar Gerik

Mod Pengangkutan: Melalui operator program

Jadual Perjalanan Program (Pakej D)

Hari Pertama	
1	Berkumpul di Jeti Belum Rainforest Resort
2	Bertolak ke lokasi Rafflesia Sungai Gadong
3	Bertolak ke Sira Papan dan makan tengah hari di Kem Sungai Papan
4	Bergerak ke Sungai Nam dan berkelah
1	Bergerak balik ke Pulau Banding dan membuat persiapan untuk Banding Night Forest Trail
5	Melakukan aktiviti Banding Night Forest Trail
Hari Kedua	
5	Mengelilingi Pulau Banding
6	Memancing di Tasik Temengor
6	Melakukan aktiviti berkayak dan berakit di Tasik Temengor (tamat program)

Rajah 4.6.8: Cadangan Jejak dan Pakej Eko Pelancongan (Pakej D) di Kawasan Majlis Daerah Gerik



4.6 Meningkatkan Promosi Produk Pelancongan

4.6.3 CADANGAN JEJAK DAN PAKEJ PELANCONGAN EKO DI KAWASAN MAJLIS DAERAH GERIK

DESKRIPSI

Pakej E (1 hari)

Pulau Tali Kail

Pakej F (2 hari 1 malam)

i. Jeti Awam Pulau Banding→ Lokasi Rafflesia Sungai Gadong→ Sungai Ruok→Santuari Ikan Kelah Tengas dan Temoleh→ Sira Papan (Kem Sungai Papan)→ Kem Pelancongan→ Sungai Kooi→Kampung Orang Asli Sungai Kejar→Belum Discovery Centre→ Pill Box Orang Asli ATAU

ii. Belum Rainforest Resort→ Lokasi Rafflesia Sungai Gadong→ Sungai Ruok→Santuari Ikan Kelah Tengas dan Temoleh→ Sira Papan (Kem Sungai Papan)→ Kem Pelancongan→ Sungai Kooi→Kampung Orang Asli Sungai Kejar→Belum Discovery Centre→ Pill Box Orang Asli

Pakej G (1 hari)

i. Air Beruk→ Lata Pinang→Lata Tanjung Kala→Pasar Besar Gerik ATAU

ii. Lata Kulim→Lata Ulu Lawin→Pasar Besar Gerik

Penginapan : Belum Rainforest Resort, Sri Inai Inn, Kem Pelancongan di dalam Taman Negeri Royal Belum dan hotel-hotel di sekitar Bandar Gerik

Mod Pengangkutan: Melalui operator program

Rajah 4.6.9: Cadangan Jejak dan Pakej Eko Pelancongan (Pakej E) di Kawasan Majlis Daerah Gerik



Jadual Perjalanan Program (Pakej E)

1	Berkumpul di Jeti Awam Pulau Banding / Belum Rainforest Resort
2	Bergerak ke Pulau Tali Kail. Antara aktiviti yang dilakukan adalah seperti berkhemah, berakit, berkayak dan BBQ.

Jadual Perjalanan Program (Pakej F)

Hari Pertama	
1	Berkumpul di Jeti Awam Pulau Banding / Belum Rainforest Resort
2	Bertolak ke Sg.Gadong/ X-Ray untuk melihat bunga rafflesia
3	Bertolak ke Sg. Ruok (kawasan air terjun)
4	Melihat dan bermandi-manda Santuari Ikan Kelah, Tengas & Temoleh.
5	Bertolak ke Sira Papan dan makan tengah hari di Kem Sungai Papan
6	Bertolak ke Kem Pelancongan • Makan malam dan melakukan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh penganjur serta aktiviti memancing jika terdapat sebarang permintaan
Hari Kedua	
6	Berkumpul dan sarapan pagi di Kem Pelancongan
7	Menyusuri Air Terjun Sg. Kooi dan makan tengah hari
8	Lawatan ke Perkampungan Orang Asli Sg. Kejar
9	Bergerak ke Belum Discovery Centre
10	Pill Box Orang Asli

Rajah 4.6.10: Cadangan Jejak dan Pakej Eko Pelancongan (Pakej F) di Kawasan Majlis Daerah Gerik



4.6 Meningkatkan Promosi Produk Pelancongan

4.6.3 CADANGAN JEJAK DAN PAKEJ PELANCONGAN EKO DI KAWASAN MAJLIS DAERAH GERIK

Pakej Gi (1 hari)
Jadual Perjalanan Program (Pakej Gi)

1	Berkumpul dan bersarapan pagi di Bandar Gerik
2	Bergerak ke Air Beruk untuk beriadah
3	Beriadah ke Lata Pinang /Lata Tanjung Kala dan makan tengah hari di kawasan ini .
4	Bergerak ke Pasar Besar Gerik untuk membeli-belah dan makan malam

Pakej Gii (1 hari)
Jadual Perjalanan Program (Pakej Gii)

1	Berkumpul dan bersarapan pagi di Bandar Gerik
2	Bergerak ke Lata Kulim untuk beriadah ATAU
3	Beriadah ke Lata Ulu Lawin dan makan tengah hari di kawasan ini .
4	Bergerak ke Pasar Besar Gerik untuk membeli-belah dan makan malam

Rajah 4.6.11: Cadangan Jejak dan Pakej Eko Pelancongan (Pakej Gi) di Kawasan Majlis Daerah Gerik



Rajah 4.6.12: Cadangan Jejak dan Pakej Eko Pelancongan (Pakej Gii) di Kawasan Majlis Daerah Gerik



4.6 Meningkatkan Promosi Produk Pelancongan

4.6.4 CADANGAN JEJAK DAN PAKEJ PELANCONGAN SEJARAH ,BUDAYA DAN AGRO DI KAWASAN MAJLIS DAERAH LENGGONG

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
Lokasi	Lenggong
No Lot	-
Keluasan	-

DESKRIPSI

Cadangan jejak dan pakej pelancongan terdiri daripada lima pakej seperti berikut:

Pakej A (2 hari 1 malam)

Tasik Raban → Research Centre → Bukit Bunuh → Bukit Jawa → Gua-gua arkeologi (Gua Harimau, Gua Kajang, Gua Gunung Runtuh dan Gua Teluk Kelawar)→ Pekan Lenggong

Pakej B (1 hari)

Lawatan ke Gua-gua arkeologi (Gua Harimau, Gua Kajang, Gua Gunung Runtuh dan Gua Teluk Kelawar)

Pakej C (3 hari 2 malam)

Homestay Kg. Beng → Ladang Rusa → Dataran Lenggong (makanan tradisi)→Rumah- rumah tradisonal → Lawatan Ke Makam→ Hutan Lipur Lata Kekabu

Pakej D (1 hari)

Bukit Changkat Berangan (Komunis Trail)

Pakej E (1 hari)

Ladang Teh→Makanan Tradisi dan Aktiviti Kebudayaan

Penginapan : Resort Tasik Raban, Homestay Kampung Beng dan hotel-hotel di sekitar Pekan Lenggong

Mod Pengangkutan: Memandu sendiri, berbasikal dan melalui operator program

JUSTIFIKASI

- Memperkenalkan jejak dan pakej-pakej pelancongan dan memberi pelbagai pilihan kepada pelancong untuk memilih destinasi pelancongan.
- Menyokong aktiviti pelancongan Tapak Warisan Dunia Lembah Lenggong
- Membantu pihak MDLG/Tourism Perak /Jabatan Warisan /agensi pelancongan di dalam mempromosi produk pelancongan.
- Meningkatkan kedatangan pelancong dari dalam atau luar negara.

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)	√	Fasa 1 (2016-2020)	√ (Pakej A, B,C & E)
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)		Fasa 2 (2021-2025)	√ (Pakej D)
High Impact Transformation Project (>10 tahun)		Fasa 3 (2026-2030	

RAJAH 4.6.13, 4.6.14, 4.6.15

Jadual Perjalanan Program (Pakej A)

Hari Pertama	
1	Berkumpul dan sarapan pagi di Tasik Raban
2	Bertolak ke Research Centre untuk mendengar taklimat dan pas lawatan oleh staf Jabatan Warisan
3	Bergerak ke Bukit Bunuh untuk melihat tapak arkeologi dan makan tengah hari
4	Mempelajari alat-alat zaman paleolitik di Bukit Jawa
Hari Kedua	
5	Melawat ke Gua Gunung Runtuh untuk melihat tapak penemuan ***Perak Man***
6	Melawat ke Kompleks Gua Kajang untuk mempelajari dan memerhati artifak arkeologi
7	Melawat Gua Harimau untuk memerhati artifak arkeologi
8	Melawat Gua Telok Kelawar untuk memerhati artifak arkeologi
9	Makan tengah hari di Pekan Lenggong (tamat program)

Rajah 4.6.13: Cadangan Jejak dan Pakej Pelancongan Sejarah (Pakej A) di Kawasan Majlis Daerah Lenggong



4.6 Meningkatkan Promosi Produk Pelancongan

4.6.4 CADANGAN JEJAK DAN PAKEJ PELANCONGAN SEJARAH, BUDAYA DAN AGRO DI KAWASAN MAJLIS DAERAH LENGGONG

Jadual Perjalanan Program (Pakej B)

Hari Pertama	
1	Berkumpul dan sarapan pagi di Tasik Raban
2	Bertolak ke Research Centre untuk mendengar taklimat dan pas lawatan oleh staf Jabatan Warisan
3	Melawat ke Gua Gunung Runtuh untuk melihat tapak penemuan ***Perak Man***
4	Melawat ke Kompleks Gua Kajang untuk mempelajari dan memerhati artifak arkeologi
5	Melawat Gua Harimau untuk memerhati artifak arkeologi
6	Melawat Gua Telok Kelawar untuk memerhati artifak arkeologi
7	Makan tengah hari di Pekan Lenggong (tamat program)

Rajah 4.6.14: Cadangan Jejak dan Pakej Pelancongan Sejarah (Pakej B) di Kawasan Majlis Daerah Lenggong



Jadual Perjalanan Program (Pakej C)

Hari Pertama	
1	Berkumpul dan sarapan pagi di Tasik Raban dan bergerak ke Homestay Kampung Beng menaiki bot.
2	Tiba di Homestay Kampung Beng. Peserta mengikuti aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pengajur program serta penduduk Homestay Kampung Beng seperti program keluarga angkat, kebudayaan dan sebagainya
Hari Kedua	
2	Sarapan pagi di Homestay Kampung Beng
3	Bergerak ke Ladang Rusa Veterinar dan melawat ladang ternakan rusa serta pusat pameran.
4	Bergerak ke Dataran Lenggong untuk merasai makanan tradisi Lenggong dan bermalam di Pekan Lenggong
Hari Ketiga	
4	Sarapan pagi di Pekan Lenggong
5	Melawat Rumah-rumah tradisional yang terdapat di Lenggong
6	Lawatan ke makam-makam yang diwartakan oleh Jabatan Warisan
7	Bergerak ke Hutan Lipur Lata Kekabu untuk beriadah (tamat program)

Rajah 4.6.15: Cadangan Jejak dan Pakej Pelancongan Sejarah , Budaya dan Agro (Pakej C) di Kawasan Majlis Daerah Lenggong



4.6 Meningkatkan Promosi Produk Pelancongan

4.6.4 CADANGAN JEJAK DAN PAKEJ PELANCONGAN SEJARAH, BUDAYA DAN AGRO DI KAWASAN MAJLIS DAERAH LENGGONG

DESKRIPSI

Pakej D (1 hari)
Bukit Changkat Berangan (Komunis Trail)

Pakej E (1 hari)
Rumah-rumah tradisional Lenggong→ Makanan Tradisi → Aktiviti Kebudayaan

Penginapan : Resort Tasik Raban, Homestay Kampung Beng dan hotel-hotel di sekitar Pekan Lenggong

Mod Pengangkutan: Memandu sendiri, berbasikal dan melalui operator program

Jadual Perjalanan Program (Pakej D)

1	Berkumpul dan bersarapan pagi di Pekan Lenggong
2	Bergerak Bukit Changkat Berangan untuk melihat kawasan peninggalan komunis

Rajah 4.6.16: Cadangan Jejak dan Pakej Pelancongan Sejarah (Pakej D di Kawasan Majlis Daerah Lenggong



Jadual Perjalanan Program (Pakej E)

1	Berkumpul dan bersarapan pagi di Pekan Lenggong
2	Melawat Ladang Teh
3	Bergerak ke Dataran Lenggong untuk merasai makanan tradisi Lenggong dan melakukan aktiviti kebudayaan yang dianjurkan

Rajah 4.6.17: Cadangan Jejak dan Pakej Pelancongan Agro dan Budaya (Pakej D di Kawasan Majlis Daerah Lenggong



5

HULU PERAK SEBAGAI DAERAH EKONOMI PRIMER (PERTANIAN DAN SUMBER SEMULAJADI) YANG PRODUKTIF

BAB 5
HALATUJU 2: HULU PERAK SEBAGAI DAERAH EKONOMI PRIMER (PERTANIAN DAN SUMBER MINERAL) YANG PRODUKTIF

Aktiviti pertanian termasuk penternakan dan perikanan mempunyai potensi untuk menghasilkan produktiviti yang lebih tinggi terutama dengan adanya kawasan kawasan pertanian yang luas dan kawasan tanaman bernilai tinggi seperti sayur-sayuran melalui penggunaan teknologi terkini yang bersesuaian. Daerah Hulu Perak juga kaya dengan sumber mineral yang berpotensi untuk aktiviti perlombongan.

STRATEGI 5.1

Meningkatkan produktiviti tanaman dan ternakan secara komersial dan mesra alam

- Mengekal Dan Mewartakan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)
- Mengekalkan Tanah Pertanian Kelas 2 dan Kelas 3
- Membangunkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan *Lenggong Agro Valley* (LAV)
- Membangunkan *Lenggong Tea*
- Meningkatkan Produktiviti Tanaman Getah Menerusi Penanaman Semula
- Meningkatkan Produktiviti Tanaman Kelapa Sawit Menerusi Penanaman Semula
- Meningkatkan Produktiviti Tanaman Makanan
- Membangunkan Tanah-tanah Pertanian Terbiar
- Membangunkan Perladangan Buluh
- Membangunkan Perladangan Hutan
- Mengekal, Mewarta Dan Membangunkan Padang Ragut
- Menggalakkan Projek Integrasi Pertanian Dan Penternakan
- Meningkatkan Bilangan Premis Dan Hasil Perusahaan Burung Walit Secara Komersial, Terkawal Dan Mesra Alam
- Meningkatkan Perusahaan Sumberjaya Desa (Industri Asas Tani – IAT)
- Membangunkan Perusahaan Pengeluaran Madu Kelulut Dan Minyak Kelapa Dara

STRATEGI 5.2

Meningkatkan produktiviti perikanan secara komersial dan mesra alam.

- Mengekal, Mewarta Dan Membangunkan Zon Industri Akuakultur (ZIA)
- Meningkatkan Produktiviti Akuakultur
- Memperkayakan Sumber Perikanan Di Kawasan Perairan Umum

STRATEGI 5.3

Mengeksploitasi sumber mineral secara mampan

- Cadangan Aktiviti Perlombongan Di Kawasan Berpotensi Sumber Mineral

STRATEGI 5.4

Mewujudkan pusat pemasaran produk pertanian dan perikanan

- Membangunkan Lenggong Agro Bazaar

Halatuju 2: Hulu Perak Sebagai Daerah Ekonomi Primer (Pertanian dan Sumber Mineral) Yang Produktif

Rajah 5.1 : Cadangan Pembangunan Pertanian di Daerah Hulu Perak



Halatuju 2: Hulu Perak Sebagai Daerah Ekonomi Primer (Pertanian dan Sumber Mineral) Yang Produktif

5.1 Meningkatkan produktiviti tanaman dan ternakan secara komersial dan mesra alam

5.1.1 MENGEKAL DAN MEWARTAKAN TAMAN KEKAL PENGELUARAN MAKANAN (TKPM)

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
Lokasi	▪ TKPM Bukit Sapi ▪ TKPM Puncak Baring ▪ *Lenggong Agro Valley*
No Lot	▪ TKPM Bukit Sapi (-) ▪ TKPM Puncak Baring (9899, 8712, 447, 442) ▪ *Lenggong Agro Valley* (-)
Keluasan	▪ TKPM Bukit Sapi (2,300 hektar) ▪ TKPM Puncak Baring (308 hektar) ▪ *Lenggong Agro Valley* (3,135 hektar)

DESKRIPSI

- Dikekal dan diwartakan sebagai TKPM untuk menjamin pembangunan jangka panjang tanaman makanan (sayur-sayuran dan buah-buahan) daerah.
- Membangunkan jalan ladang, sistem saliran dan pengairan, serta lain-lain infrastruktur pertanian yang berkaitan untuk menyokong pembangunan kawasan-kawasan ini sebagai TKPM

JUSTIFIKASI

- Merupakan kawasan pertanian utama (KPU) tahap 2 yang perlu dikekalkan untuk pembangunan aktiviti pertanian.
- Menjamin dan meningkatkan sumber makanan tempatan dan negeri.

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)		Fasa 1 (2015-2020)	√
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)		Fasa 2 (2021-2025)	
High Impact Transformation Project (>10 tahun)	√	Fasa 3 (2026-2030	

RAJAH 5.1.1

Merujuk kepada Rancangan Fizikal Negara (RFN) Ke-2, Kawasan Pertanian Utama (KPU) Tahap 2 harus dikekalkan untuk pembangunan aktiviti pertanian, melainkan kawasan-kawasan ini terletak dalam had pembangunan bandar. Ini termasuklah Taman Kekal Pengeluaran Makanan Bukit Sapi (BP Lenggong) dan TKPM Puncak Baring (BP Gerik).

Manakala untuk *Lenggong Agro Valley* (LAV) yang dibangunkan di BP Lenggong adalah setaraf dengan TKPM, iaitu berfungsi sebagai pusat pengeluaran pertanian makanan daerah. Oleh itu, adalah dicadangkan supaya LAV diwartakan sebagai TKPM baru kepada Daerah Hulu Perak untuk jaminan jangka panjang bagi pembangunan pertanian makanan daerah.

Rajah 5.1.1 : Taburan Taman Kekal Pengeluaran Makanan dan *Lenggong Agro Valley*.









Halatuju 2: Hulu Perak Sebagai Daerah Ekonomi Primer (Pertanian dan Sumber Mineral) Yang Produktif

5.1 Meningkatkan produktiviti tanaman dan ternakan secara komersial dan mesra alam

5.1.2 MENGEKALKAN TANAH PERTANIAN KELAS 2 DAN KELAS 3

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
Lokasi	▪ Keseluruhan tanah pertanian Kelas 2 dan Kelas 3 di luar koridor pembangunan daerah
No Lot	-
Keluasan	▪ Kelas 2 (28,003 hektar) ▪ Kelas 3 (21,809 hektar)

DESKRIPSI

- Dikekalkan untuk menjamin pembangunan jangka panjang tanaman makanan (sayur-sayuran dan buah-buahan) daerah.
- Membangunkan kawasan ini dengan varieti tanaman terpilih, serta infrastruktur pertanian jalan ladang, sistem saliran dan pengairan, serta lain-lain infrastruktur pertanian yang berkaitan untuk menyokong pembangunan kawasan-kawasan ini sebagai kawasan pertanian produktif.

JUSTIFIKASI

- Merupakan kawasan pertanian utama (KPU) tahap 2 dan tahap 3 yang perlu dikekalkan untuk pembangunan aktiviti pertanian.
- Tanah pertanian yang subur dan berpotensi untuk tanaman makanan semakin berkurangan.
- Menjamin dan meningkatkan sumber makanan tempatan dan negeri.

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)	√	Fasa 1 (2015-2020)	√
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)		Fasa 2 (2021-2025)	√
High Impact Transformation Project (>10 tahun)		Fasa 3 (2026-2030	√

RAJAH 5.1.2

Merujuk kepada Rancangan Fizikal Negara (RFN) Ke-2, Kawasan Pertanian Utama (KPU) Tahap 2, iaitu tanah pertanian kelas 2 yang terletak di luar had pembangunan bandar, serta KPU Tahap 3, iaitu tanah pertanian kelas 3 yang terletak di luar koridor pembangunan daerah harus dikekalkan untuk pembangunan aktiviti pertanian. Ini adalah kerana tanah yang subur dan berpotensi untuk pembangunan pertanian, khususnya tanaman makanan adalah semakin berkurangan berikutan pertukaran guna tanah pertanian kepada perbandaran seperti perumahan, komersial, perindustrian, institusi dan kemudahan masyarakat.

Oleh itu, selaras dengan objektif pelaksanaan Dasar Jaminan Bekalan Makanan (DJBM) dan Dasar AgroMakanan 2020, tanah pertanian yang subur ini harus dikekalkan untuk jaminan jangka panjang bagi pembangunan pertanian makanan daerah.

Rajah 5.1.2 : Taburan Tanah Pertanian Kelas 2 dan Kelas 3.





Halatuju 2: Hulu Perak Sebagai Daerah Ekonomi Primer (Pertanian dan Sumber Mineral) Yang Produktif

5.1 Meningkatkan produktiviti tanaman dan ternakan secara komersial dan mesra alam

5.1.3 MEMBANGUNKAN TAMAN KEKAL PENGELUARAN MAKANAN (TKPM) DAN *LENGGONG AGRO VALLEY* (LAV)

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
Lokasi	▪ TKPM Bukit Sapi ▪ TKPM Puncak Baring ▪ *Lenggong Agro Valley* (LAV)
No Lot	▪ TKPM Bukit Sapi (*tidak berkaitan*) ▪ TKPM Puncak Baring (9899, 8712, 447, 442) ▪ *Lenggong Agro Valley* (*tidak berkaitan*)
Keluasan	▪ TKPM Bukit Sapi (2,300 hektar) ▪ TKPM Puncak Baring (308 hektar) ▪ *Lenggong Agro Valley* (3,135 hektar)

DESKRIPSI

- Membangunkan kawasan ini dengan varieti tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan terbaik.
- Menggunakan teknologi pertanian moden yang bersesuaian, seperti "Sistem Fertigasi" yang dilengkapi dengan struktur pelindung hujan.
- Membangunkan jalan ladang, sistem saliran dan pengairan, serta lain-lain infrastruktur pertanian yang berkaitan.
- Untuk *Lenggong Agro Valley* (LAV), perincian pembangunan akan diperincikan dalam Rancangan Kawasan Khas (RKK) LAV.
- Mengamalkan "Amalan Pertanian Baik" (MyGAP) untuk jaminan kualiti tanaman dan alam sekitar, serta memperluas skop pasaran hasil tanaman.
- Berpotensi untuk dipromosikan sebagai produk agro pelancongan untuk menarik pelancong *special interest* – usahawan pertanian dari daerah atau negeri berjiran.

JUSTIFIKASI

- Meningkatkan pendapatan pengusaha pertanian dan ekonomi daerah.
- Meningkatkan sumber makanan tempatan dan negeri.

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)		Fasa 1 (2015-2020)	√
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)		Fasa 2 (2021-2025)	√
High Impact Transformation Project (>10 tahun)	√	Fasa 3 (2026-2030)	√

RAJAH 5.1.1 dan 5.1.3

Selaras dengan dasar RFN6; RFN Ke-2, TKPM Bukit Sapi dan TKPM Puncak Baring yang dikekalkan, serta *Lenggong Agro Valley* perlu dibangunkan dengan tanaman makanan secara komersial dan mesra alam - MyGAP.

Antara pendekatan yang boleh diusahakan adalah menggunakan "Sistem Fertigasi" yang bersesuaian untuk pembangunan aktiviti tanaman sayur-sayuran bernilai tinggi seperti tomato, cili merah dan terung. Walau bagaimanapun, penggunaan sistem ini memerlukan modal pembangunan yang amat tinggi.

Di samping itu, tapak LAV ini boleh diintegrasikan dengan aktiviti penternakan (termasuklah penternakan ayam secara sistem reban tertutup) dan perikanan yang bersesuaian. Kawasan pertanian yang diusahakan secara berdaya maju ini seterusnya berpotensi untuk dipromosikan sebagai tarikan agro pelancongan baru.

Rajah 5.1.3 : Contoh Pelan Lakaran "Sistem Fertigasi".



Halatuju 2: Hulu Perak Sebagai Daerah Ekonomi Primer (Pertanian dan Sumber Mineral) Yang Produktif

5.1 Meningkatkan produktiviti tanaman dan ternakan secara komersial dan mesra alam

5.1.4 MEMBANGUNKAN *LENGGONG TEA*

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
Lokasi	*Lenggong Tea*
No Lot	4818, 10406, 10707
Keluasan	278.8 hektar

DESKRIPSI

- Membangunkan sebahagian daripada tapak *Lenggong Tea* dengan tanaman teh (hanya untuk tujuan agro pelancongan), pokok karas/gaharu, herba dan pertanian moden.
- Membangunkan kawasan tapak selebihnya dengan kemudahan sokongan agro pelancongan, seperti agro resort dan perkampungan *homestay*.
- Menaiktaraf jalan sedia ada kepada jalan berturap 20 kaki.
- Membangunkan jalan ladang, sistem saliran dan pengairan, serta lain-lain infrastruktur pertanian yang berkaitan untuk menyokong pembangunan aktiviti pertanian dan agro pelancongan.
- Mengamalkan "Amalan Pertanian Baik" (MyGAP) untuk jaminan kualiti tanaman dan alam sekitar.

JUSTIFIKASI

- Meningkatkan pendapatan pengusaha pertanian dan ekonomi daerah.
- Meningkatkan sumber makanan tempatan dan negeri.
- Mewujudkan kepelbagaian produk pelancongan di Lenggong, dan mengukuhkan tarikan agro pelancongan daerah.

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)	√	Fasa 1 (2015-2020)	√
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)		Fasa 2 (2021-2025)	√
High Impact Transformation Project (>10 tahun)		Fasa 3 (2026-2030	√

RAJAH 5.1.4

Lenggong Tea yang berteraskan pembangunan aktiviti agro pelancongan telah dicadangkan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Perak di BP Temelong dengan anggaran keluasan tapak sebanyak 278.8 hektar.

Secara amnya, tapak Lenggong Tea telah dicadangkan pembangunannya dalam 12 plot utama, iaitu masing-masing satu (1) plot untuk *Dedicated Homestay*, *Eco Tourism Centre* dan *Agro Resort*, tiga (3) untuk *Biotech Farming*, serta enam (6) plot untuk pertanian moden yang merangkumi tanaman pokok karas/gaharu dan tanaman herba. Selain itu, perusahaan tanaman makanan seperti sayur-sayuran dengan menerapkan penggunaan teknologi pertanian yang terkini dan bersesuaian seperti "Sistem Fertigasi" juga adalah digalakkan.

Selaras dengan tujuan pembangunan dan mempromosikan agro pelancongan, pengamalan "Amalan Pertanian Baik (MyGAP) harus ditekankan dalam kalangan pengusaha supaya *Lenggong Tea* dapat menunjukkan contoh perusahaan terbaik kepada para pengunjung dan seterusnya meningkatkan imej agro pelancongan Daerah Hulu Perak.

Rajah 5.1.4 : *Lenggong Tea*



Halatuju 2: Hulu Perak Sebagai Daerah Ekonomi Primer (Pertanian dan Sumber Mineral) Yang Produktif

5.1 Meningkatkan produktiviti tanaman dan ternakan secara komersial dan mesra alam

5.1.5 MENINGKATKAN PRODUKTIVITI TANAMAN GETAH MELALUI PENANAMAN SEMULA DAN AMALAN PERTANIAN BAIK

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
Lokasi	Keseluruhan kawasan tanaman getah
No Lot	-
Keluasan	83,088 hektar (2030)

DESKRIPSI

- Menanam semula pokok getah yang tidak produktif (melebihi umur 25 tahun), iaitu pada kadar sekurang-kurangnya 3,324 hektar setahun.
- Meningkatkan hasil pengeluaran getah daripada 1,218 kg (2014) kepada 1,800 kg/ hektar/ tahun.
- Menggunakan klon, kaedah penyemaian, pembajaan, pengurusan ladang dan penuaian hasil yang disyorkan oleh Lembaga Getah Malaysia.
- Menggunakan teknologi pertanian yang terkini dan bersesuaian. Sebagai contoh, penggunaan perangsang pengeluaran lateks seperti RRIMFLOW dan diikuti dengan pengamalan sistem torehan intensiti rendah (LITS).
- Meningkatkan pendapatan pengusaha/pekebun dengan meningkatkan nisbah keluasan tanah yang diusahakan oleh pekebun, iaitu 1 pekebun : 4 hektar tanaman getah.
- Mengamalkan "Amalan Pertanian Baik" (GAP) Getah yang merangkumi 4 bidang tumpuan.

JUSTIFIKASI

- Meningkatkan pendapatan pengusaha/ pekebun tanaman getah (anggaran RM 1,500 sebulan; 4 hektar tanaman).
- Meningkatkan produktiviti tanaman getah daerah dan negeri.
- Mewujudkan peluang pekerjaan kepada 20,772 orang pekebun/ pekerja.

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)	√	Fasa 1 (2015-2020)	√
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)		Fasa 2 (2021-2025)	√
High Impact Transformation Project (>10 tahun)		Fasa 3 (2026-2030	√

Untuk tanaman getah, keluasan penanamannya dijangka seluas 83,088 hektar pada tahun 2030. Hasil pengeluarannya berpotensi untuk dipertingkatkan daripada 1,218 kilogram (2014) kepada 1,800 kilogram per hektar per tahun.

Untuk mencapai sasaran hasil pengeluaran ini, antara pendekatan yang boleh diambil adalah seperti:

- ✓ menanam semula pokok-pokok getah tua yang tidak produktif dengan klon yang disyorkan seperti RRIM 623, RRIM 605,
- ✓ menggunakan perangsang pengeluaran lateks yang berupaya meningkatkan hasil sebanyak 375 kg per hektar per tahun,
- ✓ menggunakan pelindung hujan (*rain bust*) untuk mengurangkan kehilangan hari menoreh dan kehilangan lateks yang disebabkan hari hujan dan *washout*.

5.1 Meningkatkan produktiviti tanaman dan ternakan secara komersial dan mesra alam

5.1.6 MENINGKATKAN PRODUKTIVITI TANAMAN KELAPA SAWIT MELALUI PENANAMAN SEMULA DAN AMALAN PERTANIAN BAIK

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
Lokasi	Keseluruhan kawasan tanaman kelapa sawit
No Lot	-
Keluasan	707 hektar (2030)

DESKRIPSI

- Menanam semula pokok kelapa sawit yang tidak produktif (melebihi umur 25 tahun), iaitu pada kadar sekurang-kurangnya 28 hektar setahun.
- Meningkatkan hasil pengeluaran tandan buah segar (FFB) daripada 14.7 tan kepada 20 tan/ hektar/ tahun, dan kadar perahan minyak (OER) daripada 20% kepada 25%.
- Menggunakan klon, kaedah penyemaian, pembajaan, pengurusan ladang dan penuaian hasil yang disyorkan.
- Menggunakan teknologi pertanian yang terkini dan bersesuaian, seperti 'Penuai Buah Sawit Bermotor' dan jentera Beluga.
- Meningkatkan pendapatan pengusaha/pekebun dengan meningkatkan nisbah keluasan tanah yang diusahakan oleh pekerja, iaitu 1 pekerja : 10 hektar kelapa sawit.
- Mengamalkan "Amalan Pertanian Baik" (GAP), Kod Amalan MPOB (CoP) dan "*Roundtable Sustainable Palm Oil*" (RSPO).

JUSTIFIKASI

- Meningkatkan pendapatan pengusaha/ pekebun (anggaran RM 6,500 sebulan; 10 hektar tanaman).
- Meningkatkan produktiviti kelapa sawit daerah dan negeri.
- Mewujudkan peluang pekerjaan kepada 71 orang pekebun/ pekerja.

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)	√	Fasa 1 (2015-2020)	√
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)		Fasa 2 (2021-2025)	√
High Impact Transformation Project (>10 tahun)		Fasa 3 (2026-2030	√

Pada tahun 2030, jangkaan keluasan bagi tanaman kelapa sawit adalah seluas 707 hektar. Walaupun keluasan tanaman getah telah berkurangan, hasil pengeluaran tandan buah segar (FFB) masih berpotensi untuk dipertingkatkan daripada 14.7 tan (2013) kepada 20 tan per hektar per tahun dan kadar perahan minyaknya (OER) ditingkatkan daripada 20% kepada 25%.

Antara pendekatan yang boleh diambil oleh pengusaha/pekebun kecil adalah mengamalkan amalan pertanian baik (GAP) dan kod Amalan MPOB (CoP) yang merangkumi penyediaan kebun yang betul, penggunaan benih sawit berkualiti dan terpilih, teknik pembajaan, kawalan musuh dan perosak, serta penuaian buah sawit yang berkualiti.

Di samping itu, penggunaan teknologi pertanian yang bersesuaian juga digalakkan. Antaranya seperti Penuai Buah Sawit Bermotor atau CANTAS yang berupaya meningkatkan hasil tuaian daripada 1.8 tan kepada 3.2 tan FFB per pekerja sehari, serta jentera Beluga untuk mengangkut tandan buah segar, membaja, meracun dan melakukan kerja-kerja penyelenggaraan lain di kawasan tanaman kelapa sawit.

Halatuju 2: Hulu Perak Sebagai Daerah Ekonomi Primer (Pertanian dan Sumber Mineral) Yang Produktif

5.1 Meningkatkan produktiviti tanaman dan ternakan secara komersial dan mesra alam

5.1.7 MENINGKATKAN PRODUKTIVITI TANAMAN MAKANAN

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
Lokasi	Keseluruhan kawasan tanaman makanan
No Lot	-
Keluasan	12,511 hektar (2030)

DESKRIPSI

- Menanam semula kawasan pertanian atau jenis tanaman yang tidak diusahakan secara ekonomik.
- Meningkatkan produktiviti:
  - Buah-buahan – 7.5 tan/ hektar/ musim
  - Sayur-sayuran – 15 tan/ hektar/ pusingan
  - Kelapa – 25,000 biji/ hektar/ tahun
- Meningkatkan pendapatan petani dengan meningkatkan nisbah keluasan tanah yang diusahakan oleh petani:
  - Buah-buahan – 1 petani : 6 hektar dusun
  - Sayur-sayuran – 1 petani : 2 hektar kebun
  - Tanaman lain – 1 petani ; 6 hektar kebun
- Mengusahakan kawasan tanaman dengan varieti tanaman terpilih.
- Menggunakan aplikasi pertanian yang terkini dan bersesuaian, seperti sistem fertigasi dan sistem pengairan renjis (*sprinkler*).
- Membangun dan menaiktaraf infrastruktur pertanian, seperti jalan ladang ke kawasan pertanian, sistem saliran dan pengairan dan infrastruktur lain yang bersesuaian.
- Mengamalkan "Amalan Pertanian Baik" (MyGAP) untuk jaminan kualiti tanaman dan alam sekitar, serta memperluas skop pasaran hasil tanaman.

JUSTIFIKASI

- Meningkatkan pendapatan pengusaha/petani.
- Meningkatkan sumber makanan tempatan dan negeri.

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)	√	Fasa 1 (2015-2020)	√
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)		Fasa 2 (2021-2025)	√
High Impact Transformation Project (>10 tahun)		Fasa 3 (2026-2030	√

Tanaman makanan bermaksud tanaman lain selain daripada getah dan kelapa sawit. Antaranya seperti padi, sayur-sayuran, buah-buahan, herba dan rempah ratus, tanaman ladang, serta tanaman industri. Pada tahun 2030, keluasan lain-lain tanaman ini dijangkakan seluas 12,511 hektar, termasuklah kawasan projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Bukit Sapi, TKPM Puncak Baring, *Lenggong Agro Valley* dan *Lenggong Tea*.

Selaras dengan objektif Dasar Jaminan Bekalan Makanan, produktiviti kawasan tanaman makanan ini perlu dipertingkatkan dengan pendekatan seperti:

- ✓ memilih dan mengusahakan varieti tanaman yang terpilih dan mempunyai pasaran tetap, ekonomik dan berdaya maju.
- ✓ menggunakan teknologi pertanian yang terkini dan bersesuaian, seperti "Sistem Fertigasi", "Sistem Pengairan Renjis (*Sprinkler*)".
- ✓ mengamalkan kaedah pembajaan seperti yang disyorkan oleh Jabatan Pertanian.
- ✓ Mengamalkan "Amalan Pertanian Baik" (GAP).

Halatuju 2: Hulu Perak Sebagai Daerah Ekonomi Primer (Pertanian dan Sumber Mineral) Yang Produktif

5.1 Meningkatkan produktiviti tanaman dan ternakan secara komersial dan mesra alam

5.1.8 MEMBANGUNKAN TANAH-TANAH PERTANIAN TERBIAR

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
Lokasi	Keseluruhan kawasan tanah pertanian terbiar
No Lot	-
Keluasan	392 hektar (2014)

DESKRIPSI

- Membangunkan tanah pertanian terbiar menerusi program "Kawasan Tumpuan Pembangunan Pertanian" (keluasan minima 30 hektar per projek) atau "Pembangunan Tanah Terbiar (keluasan minima 10 hektar per projek).
- Menjalankan kajian terperinci untuk mengenalpasti kesesuaian tanah – tanaman, jenis perusahaan dan daya maju ekonomi.
- Mengusahakan kawasan ini dengan projek tanaman dan projek integrasi pertanian dengan penternakan, ataupun projek akuakultur.
- Membangun dan menaiktaraf infrastruktur pertanian, seperti jalan ladang, sistem saliran dan pengairan.
- Mengamalkan "Amalan Pertanian Baik" (MyGAP) untuk jaminan kualiti tanaman dan alam sekitar, serta memperluas skop pasaran hasil tanaman.

JUSTIFIKASI

- Menggunakan sumber tanah pertanian secara optimum.
- Melahirkan usahawan tani komersial dan meningkatkan pendapatan pengusaha/petani.
- Meningkatkan sumber makanan tempatan dan negeri.

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)	√	Fasa 1 (2015-2020)	√
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)		Fasa 2 (2021-2025)	√
High Impact Transformation Project (>10 tahun)		Fasa 3 (2026-2030	√

Tanah-tanah pertanian terbiar yang dikenalpasti di sekitar kawasan daerah adalah seluas 392 hektar (2014) dan harus diberi perhatian sewajarnya, melainkan ia telah dizonkan untuk pembangunan perbandaran pada masa akan datang. Tanah pertanian terbiar yang selebihnya jika didapati bersesuaian harus dibangunkan melalui program "Kawasan Tumpuan Pembangunan Pertanian" (ACDA) atau "Pembangunan Tanah Terbiar" oleh pihak swasta atau badan kerajaan seperti Jabatan Pertanian untuk aktiviti pertanian, penternakan atau perikanan (akuakultur). Sebagai langkah penggalakkan, Jabatan Pertanian telah menawarkan bantuan amalan teknologi maksima yang bernilai RM 20,000 per hektar.

Walau bagaimanapun, kajian terperinci seperti kesesuaian tanah – tanaman, jenis perusahaan dan daya maju ekonomi adalah perlu dilakukan sebelum kerja-kerja pembangunan dimulakan. Ini adalah untuk mengelakkan risiko berlakunya kerugian terhadap projek pembangunan pertanian yang dirancangkan.

Selain itu, tanah-tanah pertanian yang tidak diusahakan secara ekonomik juga harus ditanam semula dengan tanaman yang lebih berdaya maju.

Tambahan, kawasan tanah-tanah pertanian yang bersaiz kecil secara khususnya haruslah digalakkan untuk dibangunkan secara berkelompok dan diusahakan secara berkelompok dan menerusi pendekatan "Pengurusan Secara Ladang" bagi mencapai objektif pembangunan secara ekonomik.

Halatuju 2: Hulu Perak Sebagai Daerah Ekonomi Primer (Pertanian dan Sumber Mineral) Yang Produktif

5.1 Meningkatkan produktiviti tanaman dan ternakan secara komersial dan mesra alam

5.1.9 MEMBANGUNKAN PERLADANGAN BULUH

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
Lokasi	Kawasan berhutan yang sesuai di Pengkalan Hulu
No Lot	-
Keluasan	-

DESKRIPSI

- Menjalankan kajian terperinci bagi mengenalpasti kesesuaian kawasan penanaman dan benih tanaman, serta daya maju program.
- Mendapatkan khidmat nasihat daripada Jabatan Perhutanan, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), serta agensi-agensi lain yang berkaitan.
- Pengusaha-pengusaha yang layak dan berpotensi boleh memohon kemudahan kewangan daripada *Forest Plantation Development Sdn. Bhd* yang ditubuhkan oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia.
- Membangunkan aktiviti-aktiviti hiliran seperti pengeluaran kraftangan, bingkai gambar dan perabot berasaskan buluh.
- Berpotensi dipromosikan sebagai tarikan agro pelancongan baru.
- Mengamalkan skim pensijilan pengurusan hutan (ladang hutan) [MC&I (Ladang Hutan)] yang merangkumi 10 prinsip. Antaranya merangkumi prinsip impak alam sekitar, rancangan pengurusan, pemantauan dan penilaian, pengekalan hutan yang mempunyai nilai pemeliharaan yang tinggi, serta pembangunan ladang.

JUSTIFIKASI

- Meningkatkan pendapatan pengusaha dan sumbangan ekonomi sektor primer serta sektor sekunder kepada pembangunan ekonomi daerah.
- Mempelbagai dan membangunkan aktiviti pembuatan, sektor IKS daerah.
- Mewujudkan aktiviti ekonomi dan peluang pekerjaan baru kepada penduduk setempat.

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)	√	Fasa 1 (2015-2020)	√
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)		Fasa 2 (2021-2025)	√
High Impact Transformation Project (>10 tahun)		Fasa 3 (2026-2030	√

Di kawasan perhutanan yang bersesuaian, ia boleh dibangunkan untuk program perladangan buluh dengan mengusahakan tanaman buluh komersial yang dikenalpasti oleh Jabatan Perhutanan. Antaranya seperti:

- Buluh Duri : penyepit makanan, perabot, alat muzik
- Buluh Aur : pokok hiasan, penyepit makanan, rebung
- Buluh Beting : struktur, penyepit makanan, rebung
- Buluh Tumpat : bingkai gambar, pancang, rebung
- Buluh Semantan : kraftangan, IKS

Kajian FRIM mendapati bahawa faktor pengekang kepada pembangunan industri buluh adalah kesukaran memperoleh bahan tanaman dan kawasan penanaman. Oleh itu, terdapat beberapa aspek yang perlu dikaji atau diambil kira oleh pengusahanya sebagai langkah permulaan program. Antaranya seperti pemilihan spesis buluh dan penyediaan bahan tanaman buluh, penanaman dan penubuhan ladang, pengurusan ladang untuk pengeluaran batang dan rebung, serta pemungutan hasil.

Walau bagaimanapun, digalakkan supaya program ini dapat dilaksanakan dengan mengamalkan skim pensijilan pengurusan hutan (ladang hutan) [MC&I (Ladang Hutan)].

Halatuju 2: Hulu Perak Sebagai Daerah Ekonomi Primer (Pertanian dan Sumber Mineral) Yang Produktif

5.1 Meningkatkan produktiviti tanaman dan ternakan secara komersial dan mesra alam

5.1.10 MEMBANGUNKAN LADANG HUTAN

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
Lokasi	Kawasan berhutan yang sesuai
No Lot	-
Keluasan	-

DESKRIPSI

- Menjalankan kajian terperinci bagi mengenalpasti kesesuaian kawasan penanaman dan jenis tanaman, serta daya maju program.
- Mendapatkan khidmat nasihat daripada Jabatan Perhutanan, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), serta agensi-agensi lain yang berkaitan.
- Pengusaha-pengusaha yang layak dan berpotensi boleh memohon kemudahan kewangan daripada *Forest Plantation Development Sdn. Bhd* yang ditubuhkan oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia.
- Mengamalkan skim pensijilan pengurusan hutan (ladang hutan) [MC&I (Ladang Hutan)] yang merangkumi 10 prinsip. Antaranya merangkumi prinsip impak alam sekitar, rancangan pengurusan, pemantauan dan penilaian, pengekalan hutan yang mempunyai nilai pemeliharaan yang tinggi, serta pembangunan ladang.

JUSTIFIKASI

- Mengurangkan tekanan terhadap hutan asli sebagai sumber bahan mentah – perkayuan.
- Menjamin bekalan kayu yang mencukupi untuk keperluan tempatan.
- Mengeluarkan kayu-kayan bermutu pada harga yang berpatutan.
- Mengoptimumkan sumbangan perhutanan kepada pembangunan sosio-ekonomi daerah.
- Menggantikan kawasan hutan miskin dengan ladang hutan dan mempertingkatkan daya pengeluaran kawasan berkenaan.
- Mewujudkan peluang pekerjaan baru kepada penduduk setempat.

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)	√	Fasa 1 (2015-2020)	√
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)		Fasa 2 (2021-2025)	√
High Impact Transformation Project (>10 tahun)		Fasa 3 (2026-2030	√

Secara amnya, pelaksanaan program perladangan hutan (*forest plantation*) adalah untuk meningkatkan daya pengeluaran kawasan perhutanan, serta mengurus dan membangunkan sumber perhutanan secara berkekalan. Oleh itu, kawasan perhutanan yang bersesuaian dalam Daerah Hulu Perak juga boleh dibangunkan untuk program ini dengan mengusahakan tanaman (selain tanaman buluh) seperti:

- getah (*timber latex clone*);
- gaharu, dan
- lain-lain tanaman seperti acacia spp, jati, sentang, kelempayan, batai dan binuang.

Untuk membolehkan penglibatan pengusaha industri yang lebih meluas dalam pembangunan program perladangan hutan, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) telah menyediakan tiga Skim Pembangunan Ladang Hutan (PPLH), iaitu:

- PPLH Bersaiz Kecil (4 – 40 hektar);
- PPLH Bersaiz Sederhana (41 - 2,499 hektar), dan
- PPLH Bersaiz Besar (2,500 hektar ke atas).

Walau bagaimanapun, adalah digalakkan supaya program ini dapat dilaksanakan dengan mengamalkan skim pensijilan pengurusan hutan (ladang hutan) [MC&I (Ladang Hutan)].



Halatuju 2: Hulu Perak Sebagai Daerah Ekonomi Primer (Pertanian dan Sumber Mineral) Yang Produktif

5.1 Meningkatkan produktiviti tanaman dan ternakan secara komersial dan mesra alam

5.1.11 MENGEKAL, MEWARTA DAN MEMBANGUNKAN PADANG RAGUT

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
Lokasi	Semua kawasan padang ragut
No Lot	10, 818, 1472, 9374, 11352, 11353, 2218, 6224, 4848, 2025
Keluasan	1,552 hektar

DESKRIPSI

- Dikekal dan diwartakan sebagai TKPM-Ternakan untuk menjamin pembangunan jangka panjang ternakan haiwan daerah, terutamanya ternakan rusa.
- Membangun dan menaiktaraf infrastruktur pertanian, seperti jalan ladang ke kawasan padang ragut, serta memagari kawasan-kawasan ini untuk memudahkan pengurusan ternakan dan ladang ternakan.
- Membangun dan meningkatkan populasi ternakan rusa daripada 3,757 ekor (2014) kepada 8,201 ekor pada tahun 2030.
- Menanam rumput kuda atau varieti lain yang sesuai dengan keadaan setempat di sekitar kawasan padang ragut untuk sumber makanan ternakan rusa.
- Berpotensi untuk mengukuhkan pembangunan tarikan agro pelancongan daerah.
- Mengamalkan "Amalan Penternakan Yang Baik" (GAHP) dan MyGAP..

JUSTIFIKASI

- Setaraf dengan kawasan pertanian utama (KPU) tahap 2 yang perlu dikekalkan untuk pembangunan jangka panjang aktiviti pertanian makanan – penternakan daerah.
- Menjamin dan meningkatkan sumber makanan tempatan dan negeri

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)	√	Fasa 1 (2015-2020)	√
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)		Fasa 2 (2021-2025)	√
High Impact Transformation Project (>10 tahun)		Fasa 3 (2026-2030	√

Merujuk kepada Rancangan Fizikal Negara (RFN) Ke-2, Kawasan Pertanian Utama (KPU) Tahap 2 harus dikekalkan untuk pembangunan aktiviti pertanian, melainkan kawasan-kawasan ini terletak dalam had pembangunan bandar. Ini termasuklah 20 lot padang ragut yang terdapat di sekitar kawasan Daerah Hulu Perak.

Kesemua padang-padang ragut ini perlu diwartakan sebagai Taman Kekal Pengeluran Makanan (TKPM) – Ternakan pada fasa 1 pelaksanaan RT Daerah Hulu Perak 2030, khususnya mana-mana padang ragut yang belum diwartakan.

Selaras dengan pelaksanaan projek *Rusa Belt*, padang-padang ragut ini berpotensi untuk dibangunkan dengan mengusaha dan mempertingkatkan populasi ternakan rusa secara komersial. Ini seterusnya akan mengukuhkan kedudukan Daerah Hulu Perak sebagai pengeluar daging rusa utama. Pembangunan ini seterusnya berpotensi untuk dipromosikan sebagai tarikan agro pelancongan.

Halatuju 2: Hulu Perak Sebagai Daerah Ekonomi Primer (Pertanian dan Sumber Mineral) Yang Produktif

5.1 Meningkatkan produktiviti tanaman dan ternakan secara komersial dan mesra alam

5.1.12 MENGGALAKKAN PROJEK INTEGRASI PERTANIAN DAN PENTERNAKAN

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
Lokasi	Semua kawasan tanah pertanian
No Lot	-
Keluasan	96,306 hektar

DESKRIPSI

- Mengintegrasikan ternakan lembu, kerbau, kambing/ bebiri, ayam, burung walit dalam kawasan getah, kelapa sawit dan dusun buah-buahan.
- Menjalankan perusahaan ternakan secara komersial dengan mengusahakan bilangan ternakan minimum pada sesuatu masa per penternak:
  - Lembu – 1 penternak : 100 ekor
  - Kambing/Bebiri – 1 penternak : 300 ekor
  - Ayam – 30,000 ekor per penternak per pusingan
- Mengamalkan "Amalan Penternakan Yang Baik" (GAHP) dan MyGAP.

JUSTIFIKASI

- Meningkatkan pendapatan pengusaha/ petani/ penternak.
- Meningkatkan sumber makanan tempatan dan negeri.
- Mengoptimumkan tanah pertanian yang semakin berkurangan

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)	√	Fasa 1 (2015-2020)	√
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)		Fasa 2 (2021-2025)	√
High Impact Transformation Project (>10 tahun)		Fasa 3 (2026-2030	√

Selaras dengan kawasan ragut yang terhad, usaha mengintegrasikan aktiviti penternakan haiwan dalam kawasan pertanian adalah digalakkan. Antara aktiviti yang berpotensi untuk dilaksanakan adalah seperti mengintegrasikan ternakan lembu, kambing/bebiri dalam kawasan ladang getah dan kelapa sawit, ternakan ayam dalam kawasan kebun atau dusun buah-buahan.

Aktiviti penternakan lembu, kambing/ bebiri dan ayam masih boleh dipertingkatkan lagi dengan meningkatkan kapasiti dan bilangan ternakan dalam sistem sedia ada. Perusahaan ternakan ini harus dijalankan secara komersial dengan mengusahakan bilangan ternakan minima pada sesuatu masa.

Selaras dengan ini, ternakan kerbau dijangka mencatatkan populasi sebanyak 231 ekor, lembu sebanyak 462 ekor dan kambing/ bebiri sebanyak 1,093 ekor pada tahun 2030.

Walau bagaimanapun, pembangunan projek ini haruslah dilaksanakan secara mesra alam sekitar dan mesra komuniti setempat dengan mematuhi 'Amalan Penternakan Yang Baik (GAHP).

Halatuju 2: Hulu Perak Sebagai Daerah Ekonomi Primer (Pertanian dan Sumber Mineral) Yang Produktif

5.1 Meningkatkan produktiviti tanaman dan ternakan secara komersial dan mesra alam

5.1.13 MENINGKATKAN BILANGAN PREMIS DAN HASIL PERUSAHAAN BURUNG WALIT SECARA KOMERSIAL, TERKAWAL DAN MESRA ALAM

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
Lokasi	Semua kawasan pertanian
No Lot	-
Keluasan	96,306 hektar

DESKRIPSI

- Premis sedia ada dalam kawasan bandar, terutamanya premis yang tidak mematuhi garis panduan di bawah "Amalan Penternakan Yang Baik" harus diberhentikan pengoperasiannya.
- Pembangunan premis baru hanya dibenarkan di atas kawasan pertanian sahaja, dengan mematuhi zon penampan minima 50 meter dari kawasan perumahan terdekat.
- Pembangunan premis baru harus memperolehi lesen perusahaan daripada majlis daerah dengan menyertakan ulasan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar.
- Mematuhi sepenuhnya "Garis Panduan Pembangunan Industri Burung Walit (1GP), 2011" dan "Garis Panduan Perancangan Premis Burung Walet Negeri Perak".
- Premis terpilih berpotensi dipromosikan sebagai tarikan agro pelancongan baru.

JUSTIFIKASI

- Meningkatkan pendapatan penternak.
- Mewujudkan persekitaran yang mesra alam dan mesra komuniti setempat.

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)	√	Fasa 1 (2015-2020)	√
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)		Fasa 2 (2021-2025)	√
High Impact Transformation Project (>10 tahun)		Fasa 3 (2026-2030	√

Untuk mencapai objektif mesra penduduk atau komuniti setempat, aktiviti penternakan burung walit harus dijalankan di luar kawasan petempatan dan kemudahan sosial.

Sebagai langkah pengawalan, para penternak mesti memperolehi lesen perusahaan daripada pihak berkuasa tempatan dengan menyertakan perakuan/ ulasan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Selain itu, penternak juga harus mengambil perhatian terhadap beberapa aspek. Antaranya seperti berikut:

- Tidak dibenarkan percampuran kegunaan bangunan di antara manusia dan burung walit.
- Penternakan mesti dijalankan secara mesra alam sekitar.
- Kajian terperinci diperlukan untuk menentukan kesesuaian tapak dan daya maju projek, setelah faktor-faktor umum diambil kira.

Di samping itu, "Garis Panduan Pembangunan Industri Burung Walit (1GP), 2011" dan "Garis Panduan Perancangan Premis Burung Walet Negeri Perak" juga harus dirujuk sebagai panduan perusahaan utama dan dipatuhi sepenuhnya oleh para penternak. Antara aspek penting yang telah diketengahkan dalam garis panduan-garis panduan ini adalah seperti:

- Tidak membenarkan pembangunan premis penternakan baru dalam kawasan bandar/pekan.
- Memastikan lokasi premis penternakan sekurang-kurangnya 50 meter dari kawasan perumahan dan 100 meter dari kemudahan masyarakat.



Halatuju 2: Hulu Perak Sebagai Daerah Ekonomi Primer (Pertanian dan Sumber Mineral) Yang Produktif

5.1 Meningkatkan produktiviti tanaman dan ternakan secara komersial dan mesra alam

5.1.14 MENINGKATKAN PERUSAHAAN SUMBERJAYA DESA (INDUSTRI ASAS TANI – IAT)

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
Lokasi	Perusahaan IAT sedia ada dan baru
No Lot	-
Keluasan	-

DESKRIPSI

- Membangunkan dan memperkasakan modal insan dan kemahiran pengurusan/ perusahaan usahawan IAT sedia ada dan baru.
- Menggalakkan penglibatan usahawan baru yang berdaya maju, serta meneroka dan memajukan perusahaan IAT baru, seperti madu kelulut dan minyak kelapa dara.
- Menggalakkan pengamalan skim pengurusan yang bersistematik, seperti "Amalan Pengilangan Yang Baik" (GMP), "Amalan Kebersihan Yang Baik" (GHP), "Skim Makanan Selamat Tanggungjawab Industri" (MeSTI) dan HALAL untuk jaminan kualiti produk, meningkatkan keyakinan pengguna dan seterusnya memperluaskan skop pemasaran produk.

JUSTIFIKASI

- Melahirkan usahawan tani (IAT) komersial yang berdaya maju.
- Meningkatkan pendapatan usahawan dan ekonomi daerah.

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)		Fasa 1 (2015-2020)	√
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)	√	Fasa 2 (2021-2025)	√
High Impact Transformation Project (>10 tahun)		Fasa 3 (2026-2030	√

Aktiviti industri asas tani di Daerah Hulu Perak mempunyai peluang dan berpotensi untuk dipertingkatkan lagi. Oleh itu, kemasukan usahawan baru dalam industri adalah digalakkan, iaitu dijangka akan meningkat daripada 92 orang (2014) kepada sekurang-kurangnya 150 orang pada tahun 2030. Manakala usahawan sedia ada turut digalakkan untuk memperkukuhkan kemahiran perusahaan dan mempertingkatkan produktiviti mereka.

Oleh itu, anjuran program-program pembangunan modal insan usahawan dan pengurusan perusahaan secara berkala haruslah dirancangkan oleh agensi berkaitan. Antaranya seperti "Kursus Keusahawanan Kemahiran Pemprosesan Makanan" yang dianjurkan oleh Jabatan Pertanian untuk melahirkan usahawan muda yang berminat untuk menceburkan diri dalam perusahaan asas tani.

Selaras dengan usaha pengukuhan pembangunan industri asas tani daerah, usahawan IAT (baru dan sedia ada) adalah digalakkan untuk membangunkan perusahaan dan mengeluarkan produk hasilan secara lebih teratur dan sistematik. Antara pendekatan yang boleh diambil adalah menepati dan mengamalkan "Amalan Pengilangan Yang Baik (GMP)" dan "Amalan Kebersihan Yang Baik (GHP)" dan "Skim Makanan Selamat Tanggungjawab Industri" (MeSTI)", di samping pensijilan HALAL.

Usaha pematuhan dan pensijilan skim-skim ini seterusnya akan meningkatkan skop pemasaran dan keyakinan pengguna terhadap produk IAT usahawan.

Halatuju 2: Hulu Perak Sebagai Daerah Ekonomi Primer (Pertanian dan Sumber Mineral) Yang Produktif

5.1 Meningkatkan produktiviti tanaman dan ternakan secara komersial dan mesra alam

5.1.15 MEMBANGUNKAN PERUSAHAAN PENGELUARAN MADU KELULUT DAN MINYAK KELAPA DARA

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
Lokasi	Kawasan lain-lain tanaman (tanaman buah-buahan, kelapa)
No Lot	-
Keluasan	12,511 hektar (2030)

DESKRIPSI

6.5 Menyediakan sistem pembetungan dan pengurusan sisa pepejal yang efisien dan mampan

6.5.2 CADANGAN MENAIKTARAF KETIGA-TIGA TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL DI DALAM DAERAH HULU PERAK

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
Lokasi	1. BP 1 (Pengkalan Hulu) ; Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Klian Intan (MDPH) 2. BP 4 (Gerik) ; Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Air Ganda (MDG) 3. BP 8 (Lenggong) Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Air Kala (MDL)
No Lot	1. 3108, 3109, 3110 & 3111 2. 14779 3. 5747 & 5758
Keluasan	1. 16 Ekar 2. 33.60 Ekar 3. 9.0 Ekar

DESKRIPSI

- Cadangan kerja-kerja naik taraf kesemua tapak pelupusan sisa pepejal di dalam Daerah Hulu Perak daripada kaedah terbuka dan 'open dumping' kepada status tapak pelupusan Tahap II, yang melibatkan penambahan komponen-komponen berikut :
  1. Pembinaan *berm* untuk dikambus dengan bahan yang sesuai setiap hari.
  2. Kemudahan pengumpulan air buangan *leachet*

JUSTIFIKASI

- Untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar yang berkaitan dengan pengurusan tapak pelupusan sampah yang tidak mampan.

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)	√	Fasa 1 (2015-2020)`	
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)		Fasa 2 (2021-2025)	
High Impact Transformation Project (>10 tahun)		Fasa 3 (2026-2030	√

RAJAH 6.5.2

Rajah 6.5.2: Cadangan Menaiktaraf Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Bagi Bandar Gerik, Pengkalan Hulu Dan Lenggong





7

HULU PERAK SEBAGAI DAERAH HIJAU DAN BIRU (*GREEN AND BLUE DISTRICT*) YANG MAMPAN

BAB 7
HALATUJU 4: HULU PERAK SEBAGAI DAERAH HIJAU DAN BIRU (GREEN AND BLUE DISTRICT) YANG MAMPAN

Daerah Hulu Perak adalah merupakan kawasan hijau di mana kira-kira 79% daripada keluasan daerah adalah kawasan berhutan. Daripada keluasan ini, kira-kira 83% adalah merupakan kawasan Hutan Simpan kekal (431,281.21 hektar). Kepentingan HSK di daerah ini di antaranya ialah sebagai hutan tadahan air, habitat pelbagai biodiversiti, sumber eko pelancongan, hasil balak dan sumber daya kelangsungan hidup masyarakat Orang Asli. Daerah hijau juga merujuk kepada pengaplikasian teknologi hijau bagi pembangunan baru di daerah ini selaras dengan inisiatif Kerajaan untuk megurangkan kesan pemanasan global.

Daerah biru pula merujuk kepada kawasan badan air. Daerah Hulu Perak disaliri oleh Sungai Perak dan rangkaian anak-anak sungainya. Ia juga mempunyai dua buah tasik yang besar iaitu Tasik Temengor dan Tasik Raban. Keseluruhan badan air di daerah ini meliputi kawasan seluas 23,271.68 hektar. Kepentingan rangkaian sungai dan tasik adalah di antaranya sebagai sumber bekalan air mentah, sumber bekalan tenaga elektrik, sumber perikanan dan akuakultur, sumber eko pelancongan dan juga sebagai mod pengangkutan.

Dengan kepentingan kawasan HSK dan badan air ini, ia telah dikenalpasti sebagai di antara komponen Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) yang perlu dipulihara dan diurus dengan berkesan di samping galakan kepada penggunaan teknologi hijau selari dengan aspirasi pembangunan mampan. Untuk tujuan tersebut, halatuju ini menggariskan empat strategi dan enam cadangan seperti berikut:

STRATEGI 7.1
Memulihara aset semulajadi hutan, badan air dan kepelbagaian biodiversiti

- Cadangan Pengurusan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Mengikut Tahap KSAS

STRATEGI 7.2
Melindungi, memulihara dan mengurus secara mampan kawasan hutan simpan kekal dan badan air

- Memulihara Kawasan Hutan Simpan Kekal Sebagai Koridor Hijau (Green *Corridor*
- Memulihara Tasik Temengor, Tasik Raban Serta Sungai Perak Dan Rangkaian Anak Sungai Sebagai Koridor Biru (*Blue Corridor)*
- Mengenal Pasti Dan Mewartakan Kawasan Tadahan Air Sebagai Status Hutan Simpan Kekal Tadahan Air Dan Kawasan KSAS Tahap 3

STRATEGI 7.3
Menggunapakai pendekatan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) di dalam menguruskan sungai-sungai dan badan air

- Mempertingkatkan Dan Mengaktifkan Proses-proses Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Sungai Perak Melalui Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM)

STRATEGI 7.4
Menggalakkan penggunaan tenaga yang diperbaharui (*renewable energy*)

- Memperkenalkan '*Assesment Report On Green Technology*' (Agrt) Bagi Setiap Cadangan Projek-projek Baru Yang Akan Dilaksanakan Bagi Daerah Hulu Perak

Rajah 7.1.: Cadangan Daerah Hulu Perak sebagai Daerah Hijau dan Biru



Petunjuk

- Hutan Simpan Kekal
- Kawasan Hutan CFS
- Taman Negeri Royal Belum
- Kawasan Tadahan Air
- Kawasan Perlindungan Tanah (Melebihi 1000m)
- Hutan Simpanan Dara
- Kawasan Pertanian/Perumahan/Perbandaran
- Jalan Persekutuan
- Sempadan Negeri
- Sempadan Antarabangsa

1) GREEN CORRIDOR

- Koridor Hijau yang terdiri daripada Taman Negeri Royal Belum, Hutan Simpan Kekal dan Central Forest Spine(CFS)

2) TAMAN NEGERI ROYAL BELUM

- Perlindungan penuh dari sebarang aktiviti yang boleh merosakkan khazanah alam semula jadi di kawasan tersebut
- Berada di kategori KSAS I
- Terdapat pelbagai flora dan fauna

3) Central Forest Spine (CFS)

- Rangkaian hutan yang terdiri daripada rangkaian utama dan sekunder. Kawasan ini menghubungkan kawasan hutan yang lain dan merupakan kawasan sensitif alam sekitar

4) HUTAN SIMPAN KEKAL

- Salah satu sumber hasil negeri Perak
- Pengurusan hutan dan pembalakan berimpak rendah
- Berada di kategori KSAS II

5) BLUE CORRIDOR

- Jajaran sungai dan badan air utama seperti Tasik Temengor dan Tasik Raban
- Minimum Indeks Kualiti Air(IKA) di tahap Kelas II
- Pengurusan Tasik Temengor dan Tasik Raban
- Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu di daerah Hulu Perak.

6) Teknologi Hijau

- Mengemukakan Laporan Penilaian Teknologi Hijau (Assesment Report On Green Technology ; 'ARGT' pada setiap pembangunan baru

7.1 Memulihara aset semulajadi hutan, badan air dan kepelbagaian biodiversiti

7.1.1 CADANGAN PENGURUSAN KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR (KSAS) MENGIKUT TAHAP KSAS

DESKRIPSI

KSAS adalah suatu kawasan fizikal yang khas dan mempunyai ciri-ciri alam sekitar yang signifikan dan unik. Kawasan ini sangat sensitif kepada sebarang bentuk perubahan kepada ekosistemnya akibat proses alam semula jadi atau aktiviti di dalam atau di sekitarnya, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Di Daerah Hulu Perak kawasan KSAS terdiri daripada:

- KSAS Kawasan Tanah Tinggi
- KSAS Kawasn Perhutanan
- KSAS Kawasan Sumber Mineral dan Batuan
- KSAS Kawasan Jasad Air
- KSAS Kawasan Khazanah Geologi
- KSAS Kawasan Rekreasi dan Pelancongan
- KSAS Kawasan Pertanian dan Penternakan

Kawasan KSAS ini adalah kawasan yang perlu di urus dan dipulihara kerana ia memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada bio-diversiti flora dan fauna, aset pembangunan ekonomi dan manfaatnya diteruskan untuk masa hadapan. KSAS juga perlu dilindungi dengan peruntukan perundangan, pentadbiran, pengezonan, kawalan pembangunan dan diurus secara efisyen. Dengan ini, pengurusan kawasan KSAS adalah mengikut tahap KSAS iaitu Tahap 1, Tahap 2 dan Tahap 3.

JUSTIFIKASI

i. Memulihara alam sekitar merupakan salah satu agenda pembangunan mampan negara
ii. Pemuliharaan KSAS adalah salah satu elemen yang dititikberatkan di dalam Rancangan Fizikal Negara II.
iii. Memulihara aset semulajadi seperti biodiversiti, sumber sokongan hidup seperti hutan tadahan air serta mengurangkan bahaya dan risiko (*hazard and risk*) kejadian tanah runtuh dan banjir.

RAJAH 7.1.1

Rajah 7.1.1: Pengurusan KSAS Mengikut Tahap KSAS



7.1 Memulihara aset semulajadi hutan, badan air dan kepelbagaian biodiversiti

7.1.1A CADANGAN PENGURUSAN KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR (KSAS) TAHAP I

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
KSAS Tahap I	Nama
Central Forest Spine	▪ CFS PL 2- HS Temengor (Main Range) – Royal Belum State Park (Main Range) ▪ CFS 1-PL-4 : HS Padang Chong (Bintang Hijau)–HS Sg Kuak ▪ CFS 1-PL-8: HS Kenderong (Bintang Hijau)–HS Bintang Hijau (Hulu Perak)(Bintang Hijau ▪ CFS PL 9: HS Bintang Hijau Larut Matang – HS Bitnang Hijau Kuala Kangsar ▪ CFS1-SL 3- Bitang Hijau (Hulu Perak-HS Papulut-HS Piah) *PL-*Primary Link* (rangkaian utama) *SL-*Secondary Link*(rangkaian sekunder)
Hutan	Hutan *Simpan Dara (VJR)* ▪Hutan Perlindungan Tanah (ketinggian melebihi 1000m) ▪Hutan Tadahan Air
Taman Negeri	Taman Negeri Royal Belum
Kawasan bercerun	Kawasan cerun melebihi 35 darjah dan berkontur melebihi 1000 meter
DESKRIPSI	
KSAS TAHAP 1: KAWASAN PERLINDUNGAN PENUH ▪ KSAS Tahap I merupakan suatu kawasan yang sensitif dan memerlukan perlindungan . ▪ Tiada sebarang aktiviti pembangunan bersifat perbandaran, pertanian atau pembalakan dibenarkan kecuali aktiviti eko pelancongan berimpak rendah, penyelidikan dan pendidikan. Aktiviti eko-pelancongan yang dijalankan hendaklah di dalam lingkungan *carrying capcity* setempat.	
JUSTIFIKASI	
i. Memulihara khazanah sumber alam semula jadi khususnya aset biodiversiti seperti di Taman Negeri Royal Belum. ii. Menyokong aktiviti eko pelancongan terutamanya di Taman Negeri Royal Belum. iii. Mengurangkan impak perubahan iklim di Daerah Hulu Perak sejajar dengan Dasar Perubahan Iklim Negara iv. Mencegah kejadian bencana alam seperti hakisan tanah, tanah runtuh dan pemendapan sungai . Sebarang aktiviti pembangunan di kawasan tanah tinggi dan berbukit yang mempunyai darjah kesensitifan yang tinggi boleh menyebabkan kejadian bahaya. v. Memelihara fungsi kawasan hutan tadahan air, hutan ketinggian (1000m) dan Hutan CFS. vi. Memulihara komponen utama di dalam *Green Corridor* di Daerah Hulu Perak	
RAJAH 7.1.2	

Rajah 7.1.2: Pemuliharaan Kawasan KSAS Tahap I



7.1 Memulihara aset semulajadi hutan, badan air dan kepelbagaian biodiversiti

7.1.1B CADANGAN PENGURUSAN KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR (KSAS) TAHAP II

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK

KSAS Tahap II	Nama
Hutan simpan	▪ Gunung Lang ▪ Padang Chong ▪ Sungai Kuak ▪ Lepang Nenering ▪ Belukar Semang ▪ Kenderong ▪ Air Cepam ▪ Kenderong ▪ Bintang Hijau ▪ Papulut ▪ Gerik ▪ Banding ▪ Temengor ▪ Hutan Piah ▪ Hutan Lipur Lata Kekabu
Galian mineral	Kawasan sumber mineral
Khazanah arkeologi	▪ Gua Kajang ▪ Gua Ngaum ▪ Gua Runtuh ▪ Gua Dayak ▪ Gua Badak ▪ Gua Teluk Kelawar ▪ Gua Harimau
Kawasan bercerun	Kawasan cerun di antara 26 hingga 35 darjah dan kawasan berkontur 300 -1000 meter
Tasik	▪ Tasik Temengor ▪ Tasik Raban ▪ Tasik takong

DESKRIPSI

KSAS TAHAP II: KAWASAN PENGEKALAN

i. Kawasan KSAS Tahap II merupakan kawasan pengekalan.

ii. Membenarkan aktiviti pembalakan mampan dan berimpak rendah di kawasan Hutan Simpan Kekal (Hutan selain daripada kawasan KSAS Tahap I.

iii. Aktiviti pertanian tidak dibenarkan di kawasan berkecerunan melebihi 25 darjah

iv. Sebarang aktiviti perbandaran di kawasan Khazanah Geologi di Lenggong hendaklah merujuk kepada *Conservation Management Plan & Special Area Plan Archaeological Heritage of the the Lenggong Valley.*

v. Aktiviti perbandaran tidak digalakan dan hanya dibenarkan mengikut kesesuian pembangunan yang ingin dijalankan dan tertakluk kepada halangan fizikal dan *carrying capacity* kawasan setempat

JUSTIFIKASI

i. Sebagai zon penampan *(buffer zone)* bagi Kawasan KSAS Tahap I

ii. Memelihara kawasan yang mempunyai nilai yang tinggi dari perspektif sejarah, kebudayaan dan saintifik di Tapak Warisan Dunia Lembah Lenggong.

iii. Memulihara kawasan sumber mineral dari dimajukan dengan aktiviti perbandaran

iv. Mengurangkan risiko kejadian bahaya seperti tanah runtuh dan banjir kilat

RAJAH 7.1.3

Rajah 7.1.3: Pemuliharaan Kawasan KSAS Tahap II



7.1 Memulihara aset semulajadi hutan, badan air dan kepelbagaian biodiversiti

7.1.1C CADANGAN PENGURUSAN KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR (KSAS) TAHAP III

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
KSAS Tahap III	NAMA
Kawasan Rekreasi dan Pelancongan	▪ Gua Gendang ▪ Gua Itik ▪ Lata Sungai Hitam ▪ Air Beruk ▪ Lata Pinang ▪ Lata Tanjung Kala ▪ Lata Kulim ▪ Lata Ulu Lawin ▪ Gua Puteri ▪ Gua Asar ▪ Gua Gelap Panjang ▪ Gua Gelap Pendek ▪ Gua Memerang ▪ Gua Tarzan ▪ Gua Ular ▪ Gua Misteri
Kawasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)	▪ Puncak Baring ▪ Bukit Sapi
Kawasan padang ragut	▪ Selarong ▪ Kg. Alai ▪ Kg. Lalang ▪ Kg.Pahit ▪ Kg.Plang ▪ Kg,Jong ▪ Sapi Sembai ▪ Kenderong ▪ Tawai ▪ Ulu Gerik ▪ Kenderong ▪ Tawai ▪ Belum Baru ▪ Air Pari ▪ Kg Malau ▪ Bersia
Kawasan bercerun	▪Kawasan berkontur melebihi 150 hingga 300 meter
Jajaran sungai	Sg Perak dan badan air
Kawasan arkeologi	▪Kawasan *Property Zone, Buffer Zone* dan *Tertiary Zone* di Archaeological Heritage Lenggong Valley (AHLV)
Perlombongan	▪Kawasan melombong di Klian Intan
Kawasan Zon Industri Akuakultur	▪ZIA Temengor ▪ZIA Sungai Dala ▪ZIA Kenering ▪ZIA Tasik Raban

DESKRIPSI

KSAS TAHAP III: KAWASAN PEMBANGUNAN TERKAWAL

- Aktiviti pembangunan bersifat perbandaran dan pertanian dibenarkan tetapi haruslah mematuhi kawalan pembanguan di mana pembangunan tersebut hendaklah dikawal bergantung kepada halangan fizikal setempat
- Antara faktor yang harus diambilkira ialah jenis dan intensiti pembangunan, skala pembangunan, kepadatan dan impak dari pembangunan kepada alam sekitar.
- Aktiviti perlombongan secara mampan dibenarkan

JUSTIFIKASI

i. Mengezonkan kawasan yang dibenarkan pembangunan dengan bersyarat
ii. Memulihara sumber bekalan air di Daerah Hulu Perak
iii. Mengekalkan kawasan Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan padang ragut selaras dengan Dasar Jaminan Bekalan Makanan
iv. Mengekalkan dan menaiktaraf kawasan rekreasi dan pelancongan semulajadi untuk kegunaan masyarakat setempat dan meningkatkan aktiviti pelancongan di peringkat negeri
v. Memastikan aktiviti perlombongan dijalankan secara mampan dan mengambil kira penjagaan alam sekitar

RAJAH 7.1.4



Rajah 7.1.4: Pemuliharaan Kawasan KSAS Tahap III

7.2 Melindungi, memulihara dan mengurus secara mampan kawasan hutan simpan kekal dan badan air

7.2.1 MEMULIHARA KAWASAN HUTAN SIMPAN KEKAL SEBAGAI KORIDOR HIJAU (GREEN *CORRIDOR)*

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK

Elemen	Nama
Central Forest Spine	▪ CFS PL 2- HS Temengor (Main Range) – Royal Belum State Park (Main Range) ▪ CFS 1-PL-4 : HS Padang Chong (Bintang Hijau)–HS Sg Kuak ▪ CFS 1-PL-8: HS Kenderong (Bintang Hijau)–HS Bintang Hijau (Hulu Perak)(Bintang Hijau ▪ CFS PL 9: HS Bintang Hijau Larut Matang – HS Bitnang Hijau Kuala Kangsar ▪ CFS1-SL 3- Bitang Hijau (Hulu Perak-HS Papulut-HS Piah) *PL-*Primary Link* (rangkaian utama) *SL-*Secondary Link*(rangkaian sekunder)
Hutan	▪ Gunung Lang ▪ Padang Chong ▪ Sungai Kuak ▪ Lepang Nenering ▪ Belukar Semang ▪ Kenderong ▪ Air Cepam ▪ Kenderong ▪ Bintang Hijau ▪ Papulut ▪ Gerik ▪ Temengor ▪ Hutan Piah ▪ Hutan Lipur Lata Kekabu ▪ Hutan *Simpan Dara (VJR)* ▪Hutan Perlindungan Tanah (ketinggian melebihi 1000m) ▪Hutan Tadahan Air
Taman Negeri	▪Taman Negeri Royal Belum

DESKRIPSI

- Kawasan *Green Corridor* terdiri daripada gabungan rangkaian HSK di Daerah Hulu Perak iaitu Hutan Tadahan Air, Hutan Ketinggian (1000m), Hutan Simpanan Dara, Hutan Simpan Kekal , Taman Negeri Royal Belum serta rangkaian *Central Forest Spine* (CFS).
- Kawasan *Green Corridor* ini hendaklah dikekalkan, dipulihara dan dizonkan sebagai kawasan bebas daripada sebarang aktiviti pembangunan yang berimpak tinggi .
- Sebahagian kawasan di dalam koridor hijau adalah kawasan yang bebas daripada sebarang aktiviti pembalakan dan pertanian. Kawasan tersebut adalah kawasan hutan perlindungan tanah (ketinggian melebihi 1000 m), hutan perlindungan tanah (Tadahan Air), hutan *Central Forest Spine,* hutan dara dan hutan lipur.
- Hanya pembangunan pelancongan berimpak rendah sahaja dibenarkan di persisiran sungai di Taman Negeri Royal Belum (dalam lingkungan 1.5km dari tepi sungai)
- Kajian *Carrying Capacity* perlu dijalankan di kawasan Taman Negeri Royal Belum bagi memastikan aktiviti pelancongan tidak menjejaskan ekosistem, flora dan fauna.
- Memerlukan penyediaan zon penampan selebar 50m dari kawasan hutan. Hanya aktiviti pertanian seperti getah dan kelapa sawit dibenarkan.

JUSTIFIKASI

i. Memulihara kawasan HSK yang mempunyai kepelbagaian biodiversiti.
ii. Memelihara fungsi kawasan hutan seperti hutan tadahan air, hutan perlindungan tanah (1000m) dan Hutan CFS.
iii. Pengezonan kawasan *Green Corridor* adalah selari dengan keperluan memelihara dan memulihara Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)
iv. Menyokong inisiatif kerajaan untuk mencalonkan Taman Negeri Royal Belum sebagai tapak warisan dunia.
v. Mengurangkan impak perubahan iklim (*climate change*).
vi. Mengekalkan koridor laluan hidupan liar agar tidak menjejaskan pergerakan haiwan tersebut.

RAJAH 7.2.1

7.2 Melindungi, memulihara dan mengurus secara mampan kawasan Hutan Simpan Kekal dan Badan Air

7.2.1 MEMULIHARA KAWASAN HUTAN SIMPAN KEKAL(HSK) SEBAGAI KORIDOR HIJAU (GREEN *CORRIDOR)*

HSK	Keluasan Hutan Simpan, 2014 (hektar)
Papulut	11,540.71
Belum	117,500.00
Banding	16, 667.00
Padang Chong	1,044.10
Lepang Nenering	3,808.00
Bintang Hijau	52,439.97
Belukar Semang	7,998.01
Air Cepam	23,024.22
Gerik	37,220.00
Gunung Lang	1,419.00
Sungai Kuak	932.00
Kenderong	6,619.20
Temengor	148,870.00
Amanjaya	18,866.00
Jumlah	**431,281.21**

Sumber: Jabatan Hutan Negeri Perak, 2015

Rajah 7.2.1: Zon *Green Corridor*



PETUNJUK

- Hutan Simpan Kekal
- Kawasan Hutan CFS
- Taman Negeri Royal Belum
- Kawasan Pertanian /Petempatan
- Kawasan Tadahan Air
- Kawasan Perlindungan Tanah (Melebihi 1000m)
- Kawasan Hutan Dara
- Badan Air
- Jalan Persekutuan
- Sempadan BP
- Sempadan Daerah
- Sempadan Negeri
- Sempadan Antarabangsa

7.2 Melindungi,memulihara dan mengurus secara mampan kawasan hutan simpan kekal dan badan air

7.2.2 MEMULIHARA TASIK TEMENGOR, TASIK RABAN SERTA SUNGAI PERAK DAN RANGKAIAN ANAK SUNGAI SEBAGAI KORIDOR BIRU (*BLUE CORRIDOR*)

LOKASI

Badan Air di Daerah Hulu Perak

DESKRIPSI

- Kawasan *Blue Corridor* terdiri daripada gabungan beberapa badan air. Antaranya Tasik Temengor, Tasik Raban, Tasik Takong, Sungai Perak dan rangkaian anak-anak sungainya.
- Kawasan *Blue Corridor* ini hendaklah dipelihara dan dipulihara bagi memastikan tahap minimum Indeks Kualiti Air (IKA) badan air ialah pada Tahap 2.
- Mewujudkan jawatankuasa pengurusan bagi Tasik Temengor dan Tasik Raban. Antara agensi yang terlibat di dalam badan ini ialah:
  - •Tenaga Nasional Berhad (TNB)
  - •Perbadanan Taman Negeri Royal Belum
  - •Jabatan Perhutanan
  - •Jabatan Perikanan
  - •Jabatan Alam Sekitar
  - •Jabatan Perancangan Desa dan Bandar
  - •Majlis Daerah Gerik
  - •Agensi keselamatan di antaranya Polis DiRaja Malaysia.
- Mengawal selia aktiviti-aktiviti yang dibenarkan di sekitar Tasik Temengor dan Tasik Raban dan penyediaan zon penampan hijau di sepanjang pesisiran sungai dan tasik.
- Memastikan aktiviti guna tanah yang berhampiran dengan lembangan sungai atau tasik tidak mencemarkan badan air tersebut seterunsya memastikan kesinambungan bekalan air bersih di Daerah Hulu Perak
- Memastikan aktiviti yang dibenarkan di badan air hendaklah berimpak rendah dan tidak menjejaskan IKA badan air tersebut. Antara aktiviti yang dicadangkan ialah perikanan dan aktiviti rekreasi air.

JUSTIFIKASI

i. Memeliharan sumber bekalan air daripada pencemaran
ii. Mengawal dan memantau aktiviti di kawasan badan air seperti aktiviti perikanan.
iii. Mengurangkan impak perubahan iklim
iv. Meningkatkan dan memudahkan kerjasama antara agensi di

RAJAH 7.2.2

Rajah 7.2.2: Zon Blue Corridor



7.2 Melindungi,memulihara dan mengurus secara mampan kawasan hutan tadahan air dan lain-lain punca bekalan air serta kawasan hutan.

7.2.3 MENGENALPASTI, MELUASKAN DAN MEWARTAKAN KAWASAN TADAHAN AIR SEBAGAI STATUS HUTAN SIMPAN KEKAL TADAHAN AIR DAN KAWASAN KSAS TAHAP 1

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
Lokasi	BP6 (Belum) BP7 (Temengor)
Keluasan	371,700 hektar

DESKRIPSI

- Meluaskan pengwartaan kawasan tadahan air meliputi Taman Negeri Royal Belum dan kawasan-kawasan hutan simpan kekal (HSK) lain yang masih belum diwartakan sebagai kawasan tadahan air yang berstatus KSAS Tahap 1

JUSTIFIKASI

- Sebahagian besar Daerah Hulu Perak merupakan kawasan tadahan air bagi Sungai Perak yang menjadi sumber air mentah untuk hampir 80% keseluruhan Negeri Perak.

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project	√	Fasa 1 (2015-2020)`	√
Short Term Blue Ocean Project		Fasa 2 (2021-2025)	
High Impact Transformation Project		Fasa 3 (2026-2030	

RAJAH 7.2.3



Rajah 7.2.3.: Kawasan Tadahan Air



7.3 Menggunapakai pendekatan Pengurusan Lembangan Sungai Yang Bersepadu (IRBM) di dalam menguruskan sungai-sungai dan badan air.

7.3.1 MEMPERTINGKATKAN DAN MENGAKTIFKAN PROSES-PROSES PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN SUNGAI PERAK MELALUI PENGURUSAN LEMBANGAN SUNGAI BERSEPADU (IRBM)

DESKRIPSI
Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) adalah proses penyelarasan dalam pemeliharaan, pengurusan dan pembangunan sumber air, tanah dan sumber-sumber berkaitan merentasi semua sektor di dalam sesebuah lembangan sungai.
JUSTIFIKASI
Agar Lembangan Sungai Perak diuruskan dengan lebih bersepadu bagi memastikan kesinambungan peranan sungai sebagai sumber air yang berdaya tahan, pusat rekreasi, perhubungan dan aktiviti ekonomi.

IRBM bertujuan untuk memaksimumkan faedah sosio-ekonomi bagi sumber air secara mampan dan pada masa yang sama memelihara dan mengembalikan semula ekosistem semulajadi sumber air. Ia merupakan pengurusan mampan bagi tanah dan air mengikut sempadan geografi semulajadi tanpa mengira sempadan pentadbiran. Objektif IRBM ialah untuk memastikan air yang mencukupi, air yang bersih, mengurangkan risiko banjir dan meningkatkan persekitaran. Pelaksanaan IRBM yang berkesan memerlukan penglibatan pelbagai pihak yang berkepentingan untuk memainkan peranan masing-masing khususnya dalam 8 komponen IRBM.

Beberapa komponen utama perlu diberi penekanan di dalam pelaksanaan IRBM Sungai Perak, iaitu meliputi perkara-perkara berikut :

1) Pelaksanaan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB)
2) Pengezonan Dan Pengwartaan Rezab Sungai
3) Penguatkuasaan Dan Undang-Undang
4) Pencemaran Dan Alam Sekitar
5) Maklumat Dan *Database*
6) Penjagaan Dan Pengekalan Kawasan Tadahan
7) Penglibatan Orang Awam Dan Rakan Sungai

Rajah 7.3.1.: Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu di Daerah Hulu Perak



7.4 Mengalakkan pengadaptasian Teknologi Hijau (Green Technology)

7.4.1 MEMPERKENALKAN *'ASSESMENT REPORT ON GREEN TECHNOLOGY'* (AGRT) BAGI SETIAP CADANGAN PROJEK-PROJEK BARU YANG AKAN DILAKSANAKAN BAGI DAERAH HULU PERAK

DESKRIPSI

- Adalah dicadangkan bahawa semua cadangan projek-projek pembangunan baru perlu mengemukakan Laporan Penilaian Teknologi Hijau (Assesment Report On Green Technology ; 'ARGT'); yang mana setakat ini konsep penggunaan teknologi hijau cuma ditekankan dalam bentuk pekeliling, garis panduan dan dasar sahaja tanpa keperluan undang-undang (*legal requirement)*.
- ARGT perlu menggariskan elemen-elemen teknologi hijau yang diaplikasikan dan digunapakai bagi sesuatu projek pembangunan mengikut latar belakang projek tersebut. Seterusnya, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terbabit perlu memastikan bahawa laporan ini mesti dikemukakan bersama-sama laporan-laporan lain seperti EIA, SIA, TIA, RSA dan Laporan Geoteknik yang lazim dikemukakan untuk kelulusan.

JUSTIFIKASI

- Bagi memastikan penggunaan dan adaptasi teknologi hijau yang lebih meluas dan efektif bagi sesuatu projek pembangunan

Bil.	Latar Belakang Projek	Keperluan	Elemen Teknologi Hijau Yang Perlu DiNilai
1.	Bangunan	Bekalan Air Dalaman	Tahap penggunaan Sistem Penuaian Air Hujan serta kaedah pengurangan pergantungan penggunaan air yang dirawat untuk aktiviti harian
2.	Bangunan	Pencahayaan Dalaman	Tahap penggunaan bahan-bahan bagi dinding, bumbung dan tingkap serta 'sunshade' yang boleh mengurangkan beban cahaya matahari
3.	Bangunan	Sistem Hawa Dingin Dalaman	Tahap penggunaan teknologi dan peralatan elektrik bagi mengurangkan penggunaan tenaga elektrik dan pembaziran, seperti : 1. Menggunakan 'central chiller' menggantikan 'split units'. 2. Motor untuk kipas alat hawa dingin dan pam air hawa dingin juga boleh dikawal kelajuannya dengan menggunakan VSD & 'Soft Start'. 3. Menggunakan lampu Kalimantan jenis T5, lampu neon dan jenis LED.
4.	Bangunan	Bekalan Elektrik	Tahap penggunaan tenaga elektrik secara semulajadi/solar, seperti : 1. Penggunaan panel solar untuk menyerap tenaga solar dan menukarkannya kepada tenaga letrik.
5.	Bangunan	Penggunaan Bahan Binaan	Tahap penggunaan bahan-bahan binaan jenis IBS
6.	Bangunan	Peparitan Dalaman	Tahapa penggunaan konsep MASMA dan 'control at source'
7.	Jalan	Permukaan Jalan (Pavement)	Tahap penggunaan bahan binaan berasaskan teknologi hijau
8.	Jalan	Akses Dan Persimpangan	Tahap pengurangan pelepasan gas emission, pengekalan alam sekitar dan keseimbangan alam semulajadi.
9.	Jalan	Lampu Jalan	Tahap penggunaan lampu-lampu jalan jenis LED yang mampu mengurangkan pelepasan gas karbon dioksida dan mengeluarkan haba yang lebih rendah di samping menjimatkan tenaga melebihi 40% berbanding penggunaan lampu jenis konvensional.
10.	Saliran Dan Perparitan	Sistem Saliran Dan Perparitan Utama	Tahap penggunaan rekabentuk perkonsepkan MASMA dan 'control at source'
11.	Bekalan Air	Paip Utama	Tahap penggunaan jenis paip agihan utama yang mengurangkan NRW serta dari jenis bahan berasaskan teknologi hijau.
12.	Bekalan Air	Loji Rawatan Air	Tahap penggunaan kaedah rawatan air yang terkini seperti Teknologi 'Membrance' berbanding teknologi konvensional yang berasaskan 'aluminium sulfate' sebagai agen 'cougulant'.
13.	Pembetungan	Loji Rawatan	Tahap penggunaan Loji Rawatan Kumbahan Berpusat Jenis Serantau (Regional Centralized Sewerage System) bagi sesuatu projek
14.	Pembetungan	Paip Pembetung Utama	Tahap penggunaan paip pembetung utama yang disambung terus ke Loji Rawatan Kumbahan Berpusat.

8

HULU PERAK KEARAH PEMBAHARUAN BANDAR DAN PENJANAAN EKONOMI SETEMPAT

BAB 8
HALATUJU 5: HULU PERAK KEARAH PEMBAHARUAN BANDAR DAN PENJANAAN EKONOMI SETEMPAT

Kawasan bandar merupakan kawasan pertumbuhan ekonomi dimana ianya menawarkan pelbagai jenis perkhidmatan dan aktiviti perbandaran seperti perniagaan dan perindustrian. Oleh itu, potensi pembangunan di kawasan bandar perlu dikenal pasti agar pelbagai jenis peluang pekerjaan serta limpahan pembangunan dapat dirasai oleh penduduk setempat. Beberapa strategi telah dirangka agar bandar-bandar di dalam daerah Hulu Perak seperti Pengkalan Hulu, Gerik, dan Lenggong dapat menjana aktiviti ekonomi bagi penduduk setempat .

STRATEGI 8.1
Mengoptimumkan Penggunaan Tanah Dan Memperkemaskan Struktur Guna Tanah Bagi Mewujudkan Kawasan Petempatan Yang Lebih Teratur.

- Mewujudkan Had Sempadan Bandar Dan Pusat Bandar

STRATEGI 8.2
Memperkukuhkan Pengkalan Hulu sebagai Gerbang Antarabangsa

- Pengkalan Hulu *Rehabilitation*
- Cadangan Border Town Di Pengka:lan Hulu
- Cadangan Mempertingkatkan Imej Bandar Pengkalan Hulu

STRATEGI 8.3
Membangunkan Gerik sebagai Bandar Transit

- Gerik Rehabilitation
- Cadangan Mempertingkatkan Imej Bandar Gerik

STRATEGI 8.4
Membangunkan Lenggong sebagai Bandar Pra Sejarah

- Lenggong *Rehabilitation*
- Cadangan Mempertingkatkan Imej Bandar Lenggong

STRATEGI 8.5
Mengukuhkan Pembangunan Pusat Perniagaan Mengikut Hierarki Perbandaran

- Cadangan Pengukuhan Fungsi Bandar Sebagai Pusat Perkhidmatan Perniagaan
- Cadangan Pusat Perniagaan Baru

STRATEGI 8.6
Memperkukuhkan Kawasan Perindustrian Sedia Ada Berasaskan Sumberjaya Tempatan

- Cadangan Pengkhususan Aktiviti Perindustrian Mengikut Zon Pembangunan Industri
- Cadangan Kawasan Perindustrian Baru

Rajah 8.1: Pembaharuan Bandar Dan Penjanaan Ekonomi Setempat

PENGKALAN HULU

+PENGKALAN HULU *REHABILITATION*

+CADANGAN BORDER TOWN DI PENGKA:LAN HULU

+CADANGAN MEMPERTINGKATKAN IMEJ BANDAR PENGKALAN HULU

GERIK

+GERIK *REHABILITATION*

+CADANGAN MEMPERTINGKATKAN IMEJ BANDAR GERIK

LENGGONG

+LENGGONG *REHABILITATION*

+CADANGAN MEMPERTINGKATKAN IMEJ BANDAR LENGGONG

BANDAR

Pusat Separa Wilayah
1. Gerik

Pusat Perkhidmatan Utama
2. Pengkalan Hulu
3. Lenggong

Pusat Perkhidmatan Kecil
4. Klian Intan
5. Lawin
6. Bandariang
7. Tasik Raban



8.1 Mengoptimumkan Penggunaan Tanah Dan Memperkemaskan Struktur Guna Tanah Bagi Mewujudkan Kawasan Petempatan Yang Lebih Teratur.

8.1.1 MEWUJUDKAN HAD SEMPADAN BANDAR DAN PUSAT BANDAR

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK		
Lokasi	i. Bandar Pengkalan Hulu ii. Bandar Gerik iii. Bandar Lenggong iv. Bandar Klian Intan v. Bandar Lawin vi. Bandar Bandariang vii. Bandar Tasik Raban	
Keluasan	Pengkalan Hulu	1,075 hektar
	Gerik	840.2 hektar
	Lenggong	150.6 hektar
DESKRIPSI		
▪ Penstrukturan guna tanah bandar ▪ Penentuan sempadan bandar		
JUSTIFIKASI		
▪ Menggalakkan penggunaan tanah yang optimum ▪ Mewujudkan kawasan perbandaran yang teratur ▪ Mengelakkan struktur bandar yang bercorak *urban sprawl*		
RAJAH 8.11		

Rajah 8.1.1: Kawasan Bandar Utama Di Daerah Hulu Perak

8.1 Mengoptimumkan Penggunaan Tanah Dan Memperkemaskan Struktur Guna Tanah Bagi Mewujudkan Kawasan Petempatan Yang Lebih Teratur.

8.1.1 MEWUJUDKAN HAD SEMPADAN BANDAR DAN PUSAT BANDAR

Rajah 8.1.2: Sempadan Bandar Pengkalan Hulu



Bandar	Pengkalan Hulu
Imej	Gerbang Antarabangsa
Luas bandar	1,075 hektar
Luas pusat bandar	112.8 hektar

Rajah 8.1.3: Sempadan Pusat Bandar Pengkalan Hulu



8.1 Mengoptimumkan Penggunaan Tanah Dan Memperkemaskan Struktur Guna Tanah Bagi Mewujudkan Kawasan Petempatan Yang Lebih Teratur.

Rajah 8.1.4: Sempadan Bandar Gerik



Rajah 8.1.5: Sempadan Pusat Bandar Gerik



Rajah 8.1.6: Sempadan Pusat Bandar Gerik (Golden Triangle)



PETUNJUK

- Perumahan
- Komersial
- Institusi dan Kemudahan Masyarakat
- Tanah Lapang dan Rekreasi
- Pertanian
- Badan Air
- Sempadan Bandar
- Sempadan Pusat Bandar
- Jalan Persekutuan
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah

Bandar	Gerik
Imej	Bandar Transit
Luas bandar	840.2 hektar
Luas pusat bandar	53.79 hektar 61.16 hektar(Golden Triangle)

8.1 Mengoptimumkan Penggunaan Tanah Dan Memperkemaskan Struktur Guna Tanah Bagi Mewujudkan Kawasan Petempatan Yang Lebih Teratur.

Rajah 8.1.7: Sempadan Bandar Lenggong



Rajah 8.1.8: Sempadan Pusat Bandar Lenggong



Bandar	Gerik
Imej	Warisan Ibu-Kota Pra Sejarah
Luas bandar	150.6 hektar
Luas pusat bandar	20.04 hektar

8.1 Mengoptimumkan Penggunaan Tanah Dan Memperkemaskan Struktur Guna Tanah Bagi Mewujudkan Kawasan Petempatan Yang Lebih Teratur.

Rajah 8.1.9: Sempadan Bandar Klian Intan



(75.59 hektar)

Rajah 8.1.10: Sempadan Bandar Lawin



(146.9 hektar)

Rajah 8.1.11: Sempadan Bandar Bandariang



(148.6 hektar)

Rajah 8.1.12: Sempadan Bandar Tasik Raban



(306.6 hektar)

PETUNJUK

- Perumahan
- Komersial
- Institusi dan Kemudahan Masyarakat
- Tanah Lapang dan Rekreasi
- Pertanian
- Pengangkutan
- Badan Air
- Sempadan Pusat Bandar
- Jalan Persekutuan
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah

8.2 Memperkukuhkan Pengkalan Hulu sebagai Gerbang Antarabangsa

8.2.1 PENGKALAN HULU *REHABILITATION*

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
Lokasi	Pusat bandar Pengkalan Hulu
No Lot	-
Keluasan	-

DESKRIPSI

- Cadangan *infill development* di kawasan pusat bandar. Antara jalan yang terlibat ialah Jalan Tasek, Jalan Iskandar dan Jalan Betong
- Menggalakkan pembangunan baru di lot rumah kedai yang telah usang dan bangunan yang merosakkan visual kualiti keadaan sekeliling
- Jenis pembangunan yang digalakkan ialah pembangunan jenis komersial
- Pembangunan baru hendaklah mengambil kira seni bina, fasad bangunan, ketinggian bangunan dan faktor-faktor lain yang mempengaruhi reka bentuk bandar di kawasan sekeliling
- Dicadangkan pemberian intensif kepada pemilik bangunan untuk membangunkan kawasan tersebut

JUSTIFIKASI

i. Menggalakan pembangunan di kawasan pusat bandar
ii. Penggunaan tanah di dalam pusat bandar secara optimum

JENIS PROJECT		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)		Fasa 1 (2015-2020)`	√
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)	√	Fasa 2 (2021-2025)	√
High Impact Transformation Project (>10 tahun)		Fasa 3 (2026-2030	√

RAJAH 8.2.1

Keadaan semasa reka bentuk dan ketinggian bangunan di Jalan Iskandar yang usang dan tidak ceria

Rajah 8.2.1: Kawasan Yang Dikenal Pasti Untuk Pembangunan *Infill*.



Ilustrasi pembangunan infill yang mengambil kira ketinggian,seni bina dan reka bentuk bangunan



8.2 Memperkukuhkan Pengkalan Hulu sebagai Gerbang Antarabangsa

8.2.2 CADANGAN BORDER TOWN DI PENGKALAN HULU

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
Lokasi	Sempadan Malaysia-Thailand

DESKRIPSI

i. Fasa 1 meliputi 1.9 hektar terdiri daripada pembangunan pusat membeli-belah iaitu Carnivals yang meliputi:
   a) Zon Bebas Cukai
   b) Pusat Membeli-belah
   c) Suit Perkhidmatan
ii. Pembinaan premis perniagaan baru seperti:
   a) Kedai pejabat = Maksimum 4 tingkat
   b) Bangunan *'free standing'* = Nisbah plot 1: 3 dan 60% *plinth area*
iii. Cadangan pembangunan kawasan industri sederhana dan ringan
iv. Penyediaan kemudahan sokongan di kawasan perniagaan baru seperti tempat letak kereta, tandas awam dan surau.

JUSTIFIKASI

i. Lokasi *Border Town* dipilih berdasarkan kedudukan strategik antara Malaysia dan Thailand
ii. Menguatkan identiti Pengkalan Hulu sebagai Gerbang Antarabangsa
iii. Pintu gerbang sebagai mercu tanda di kawasan tersebut
iv. Merancakkan aktiviti perniagaan di sekitar kawasan sempadan

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)		Fasa 1 (2015-2020)`	
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)		Fasa 2 (2021-2025)	√
High Impact Transformation Project (> 10 tahun)	√	Fasa 3 (2026-2030	√

RAJAH 8.2.2

Rajah 8.2.2: Lokasi dan guna tanah di *Border Town*



Ilustrasi pintu gerbang di kawasan sempadan Malaysia-Thailand

Ilustrasi pusat membeli belah di *border town*



8.2 Memperkukuhkan Pengkalan Hulu sebagai Gerbang Antarabangsa

8.2.3 CADANGAN MEMPERTINGKATKAN IMEJ BANDAR PENGKALAN HULU

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
Lokasi	Pusat bandar Pengkalan Hulu

DESKRIPSI

- Penyediaan perabot jalan yang menarik di sepanjang Adik Raja, Jalan Tasek, Jalan Betong dan Jalan Iskandar. Perabot jalan seperti tong sampah, bangku dan boulard di kawasan tumpuan disediakan
- Rekabentuk perabot jalan perlu kemas dan mesra pengguna OKU
- Penyediaan laluan pejalan kaki yang berkesinambungan dari Masjid Pengkalan Hulu dan Tasik Takong hingga ke kawasan komersial baru
- Meningkatkan *legibility* Pengkalan Hulu melalui penyediaan papan tanda arah di pintu masuk pusat bandar dan kawasan tumpuan orang ramai
- Menerapkan elemen bandar selamat seperti pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor, penyediaan cermin keselamatan, penyediaan tempat motosikal yang berkunci dan pencahayaan di kawasan gelap dan pemasangan penggera keselamatan di kawasan tumpuan*(nodes)*.
- Pembangunan semula kawasan stesen bas Pengkalan Hulu (lama), pasar Pengkalan Hulu dan kawasan penjaja
- Penyediaan mercu tanda baru di Jalan Adika Raja

JUSTIFIKASI

i. Penyediaan elemen reka bentuk bandar yang bersesuian akan menjadikan pusat bandar mempunyai identiti yang tersendiri *(sense of place)*

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)		Fasa 1 (2015-2020)	√
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)	√	Fasa 2 (2021-2025)	√
High Impact Transformation Project (>10 tahun)		Fasa 3 (2026-2030)	√

RAJAH 8.2.3

Rajah 8.2.3: Elemen Reka Bentuk Bandar Di Pengkalan Hulu



8.2 Memperkukuhkan Pengkalan Hulu sebagai Gerbang Antarabangsa

Rajah 8.2.4: Ilustrasi Elemen Reka Bentuk Bandar Di Pusat Bandar Pengkalan Hulu

Saiz papan iklan yang seragam

Interlock pavement di laluan pejalan kaki

Pengasingan lauan pejalan kaki dari laluan bermotor (penerapan elemen bandar selamat)

Street art di lokasi yang strategik



Ilustrasi cadangan perabot jalan (*street lamp, bench*, dan cermin keselamatan)

Ilustrasi Pusat Bandar Pengkalan Hulu

8.3 Membangunkan Gerik sebagai Bandar Transit

8.3.1 GERIK *REHABILITATION*

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
Lokasi	Pusat bandar Gerik
No Lot	-
Keluasan	-

DESKRIPSI

- Cadangan *infill development* di kawasan pusat bandar Gerik. Antara kawasan yang terlibat ialah:
  a)Jalan Sultan Iskandar
  b)Jalan Tun Saban
  c)Jalan Takong Datok
- Menggalakkan pembangunan semula di lot rumah kedai yang telah usang
- Jenis pembangunan yang digalakkan ialah pembangunan jenis komersial
- Pembangunan yang dicadangkan di kawasan pembangunan semula hendaklah mengambil kira seni bina, fasad bangunan, ketinggian banguanan dan faktor-faktor lain yang menpengaruhi reka bentuk bandar di kawasan sekeliling
- Memperbaiki *plaster* bangunan yang telah rosak
- Mengecat semula bangunan yang mempunyai visual kualiti yang kurang ceria.
- Dicadangkan pemberian intensif kepada pemilik bangunan untuk membangunkan kawasan tersebut

JUSTIFIKASI

i. Menggalakan pembangunan di kawasan pusat bandar
ii. Penggunaan tanah secara optimum

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)		Fasa 1 (2015-2020)	√
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)	√	Fasa 2 (2021-2025)	√
High Impact Transformation Project (>10 tahun)		Fasa 3 (2026-2030)	√

RAJAH 8.3.1

Rajah 8.3.1: Kawasan Gerik Rehabilitation



Bangunan yang telah usang dan lot kosong yang terbiar menjejaskan pemandangan visual kualiti di sepanjang Jalan Sultan Iskandar.

8.3 Membangunkan Gerik sebagai Bandar Transit

8.3.2 CADANGAN MEMPERTINGKATKAN IMEJ BANDAR GERIK

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
Lokasi	Pusat bandar Gerik

DESKRIPSI

- Penyediaan perabot jalan yang menarik di sepanjang Jalan Sultan Iskandar, Jalan Kuala Kenerong, Jalan Tun Saban, Jalan Takong Datok dan Jalan Toh Mekong.Perabot jalan seperti tong sampah, bangku dan boulard di kawasan tumpuan disediakan
- Penyediaan pintu gerbang di Jalan Sultan Iskandar
- Cadangan menara jam di bulatan Gerik Golden Triangle
- Gerik Walk di Jalan Takong Datok dan Jalan Kuala Kenderong
- Rekabentuk perabot jalan perlu kemas dan mesra pengguna OKU
- Penyediaan laluan pejalan kaki yang berkesinambungan dari Taman Inai hingga ke kawasan perniagaan
- Meningkatkan *legibility* Gerik melalui penyediaan papan tanda arah di pintu masuk pusat bandar dan kawasan tumpuan orang ramai
- Menerapkan elemen bandar selamat seperti pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor, penyediaan cermin keselamatan, penyediaan tempat motosikal yang berkunci dan pencahayaan di kawasan gelap dan pemasangan penggera keselamatan di kawasan tumpuan*(nodes)*.

JUSTIFIKASI

i. Penyediaan elemen reka bentuk bandar yang bersesuian akan menjadikan pusat bandar mempunyai identiti yang tersendiri *(sense of place)*

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)		Fasa 1 (2015-2020)	√
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)	√	Fasa 2 (2021-2025)	√
High Impact Transformation Project (> 10 tahun)		Fasa 3 (2026-2030)	√

RAJAH 8.3.2

Rajah 8.3.2: Elemen Reka Bentuk Bandar Di Pusat Bandar Gerik



PETUNJUK

- Mercutanda
- Pintu gerbang
- Kawasan tumpuan
- Kawasan Tumpuan
- Laluan pejalan kaki
- Komersial
- Perumahan
- Institusi dan Kemudahan Masyarakat
- Tanah Lapang dan Rekreasi
- Badan Air
- Jalan Persekutuan

8.3 Membangunkan Gerik sebagai Bandar Transit

Rajah 8.3.3: Ilustrasi Elemen Reka Bentuk Bandar Di Pusat Bandar Gerik



Cadangan pintu gerbang sebagai *sense of welcoming* di Jalan Sultan Iskandar

Lampu jalan di sepanjang jalan Sultan Iskandar (elemen pencahayaan)

Laluan pejalan kaki yang menghubungkan satu pusat komersial ke pusat komersial yang lain



Cadangan menara jam di bulatan Golden Triangle

8.4 Membangunkan Lenggong sebagai Bandar Pra Sejarah

8.4.1 LENGGONG *REHABILITATION*

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK`	
Lokasi	Pusat bandar Lenggong (Jalan Alang Iskandar)
No Lot	-
Keluasan	-
DESKRIPSI	
Lenggong Rehabilitation merupakan suatu projek yang meningkatkan imej dan fungsi pusat bandar Lenggong sebagai "Bandar Warisan Ibu-Kota Pra-Sejarah". Lenggong *Rehabilitation* mengandungi beberapa komponen iaitu: ▪Memulihara dan mengecat semula rumah kedai di kawasan pusat bandar Lenggong ▪Menggalakkan pemilik bangunan memulihara bangunan melalui pemberian intensif ▪Membangunkan semula Stesen Bas Lenggong ▪ Menyediakan sebuah Taman Hijau di dalam kawasan pusat bandar	
JUSTIFIKASI	
▪Memastikan fungsi bandar Lenggong sebagai "Bandar Warisan Ibu-Kota Pra-Sejarah tercapai ▪Memulihara dan mengekalkan identiti pusat bandar Lenggong ▪Rangkaian "Commercial Belt" sebagai nodes baru di kawasan pusat bandar ▪Salah satu projek pengindahan pusat bandar di dalam *Conservation Management Plan of Archaeological Heritage of The Lenggong Valley*	

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)		Fasa 1 (2015-2020)	√
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)	√	Fasa 2 (2021-2025)	√
High Impact Transformation Project (> 10 tahun)		Fasa 3 (2026-2030)	√

RAJAH 8.4.1

Rajah 8.4.1: Kawasan Lenggong Rehabilitation



Kawasan pemuliharaan di pusat bandar Lenggong

1. Penyediaan landskap pokok renek
2. Penyediaan ruang taman permainan kanak-kanak
3. Pembangunan semula Stesen Bas Lenggong
4. Pemuliharaan bangunan rumah kedai
5. Penyediaan jalan raya yang berturap
6. Penyediaan lampu jalan

8.4 Membangunkan Lenggong sebagai Bandar Pra Sejarah

8.4.1 LENGGONG *REHABILITATION*

Elemen Pemuliharaan	Tindakan Pemeliharaan
Bahan binaan	Bahan binaan daripada batu
Fasad bangunan/Seni bina bangunan	Reka bentuk bangunan dikekalkan sepenuhnya
Pintu dan Tingkap	Penggunaan tingkap yang sesuai dengan fasad bangunan
Dinding	Memperbaiki "plaster" bangunan yang telah rosak dan dicat semula dengan warna yang sesuai
Kemasan/permukaan bangunan	Membuang tumbuhan yang hidup di permukaan bangunan dan mengecat semula permukaan bangunan tersebut
Perhiasan	Mengekalkan perhiasan yang asal dengan corak yang asal atau menggantikan perhiasan yang seiras



Ilustrasi cadangan membaik pulih fasad bangunan rumah kedai lama



Keadaan fasad rumah kedai di puat bandar Lenggong



Ilustrasi cadangan taman permainan kanak-kanak berhampiran dengan stesen bas Lenggong

Ilustrasi cadangan membangunkan semula stesen bas Lenggong

8.4 Membangunkan Lenggong sebagai Bandar Pra Sejarah

8.4.2 CADANGAN MEMPERTINGKATKAN IMEJ BANDAR LENGGONG

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
Lokasi	Pusat bandar Lenggong

DESKRIPSI

- Penyediaan perabot jalan yang menarik di sepanjang Jalan Alang Iskandar seperti tong sampah, bangku dan *boulard* di kawasan tumpuan disediakan
- Rekabentuk perabot jalan perlu kemas dan mesra pengguna OKU
- Penyediaan laluan pejalan kaki yang berkesinambungan dari taman mini sehingga ke kawasan perniagaan
- Meningkatkan *legibility* Lenggong melalui penyediaan papan tanda arah di pintu masuk pusat bandar dan kawasan tumpuan orang ramai
- Menerapkan elemen bandar selamat seperti pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor, penyediaan cermin keselamatan, penyediaan tempat motosikal yang berkunci dan pencahayaan di kawasan gelap dan pemasangan penggera keselamatan di kawasan tumpuan*(nodes)*.
- Penyediaan pintu gerbang di Jalan Alang Iskandar

JUSTIFIKASI

i. Penyediaan elemen reka bentuk bandar yang bersesuian akan menjadikan pusat bandar mempunyai identiti yang tersendiri *(sense of place)*

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)		Fasa 1 (2015-2020)	√
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)	√	Fasa 2 (2021-2025)	√
High Impact Transformation Project (> 10 tahun)		Fasa 3 (2026-2030)	√

RAJAH 8.4.2

Rajah 8.4.2: Elemen reka bentuk bandar di pusat bandar Gerik



8.5 Mengukuhkan Pembangunan Pusat Perniagaan Mengikut Hierarki Perbandaran

8.5.1 CADANGAN PENGUKUHAN FUNGSI BANDAR SEBAGAI PUSAT PERKHIDMATAN PERNIAGAAN

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
Lokasi	**Pusat Separa Wilayah** 1. Gerik **Pusat Perkhidmatan Utama** 2. Pengkalan Hulu 3. Lenggong **Pusat Perkhidmatan Kecil** 4. Klian Intan 5. Lawin 6. Bandariang 7. Tasik Raban
No Lot	-
Keluasan	-

DESKRIPSI

i. Pembangunan kawasan pusat perniagaan dan perkhidmatan mengikut hierarki perniagaan
ii. Pembangunan kawasan perniagaan baru di kawasan yang lebih strategik
iii. Pembangunan infill dan pembangunan semula kawasan dan bangunan perniagaan usang
iv. Penyediaan kedai atau premis perniagaan mampu milik

JUSTIFIKASI

- Meningkatan sosioekonomi kawasan dan penduduk setempat
- Menggalak penglibatan penduduk tempatan dalam aktiviti ekonomi bandar
- Menggalak dan mempermudah kemasukan pelabur ke sesebuah kawasan perniagaan
- Memperlengkap dan memperbaiki kemudahan infrastruktur dan penyediaan kemudahan awam yang bersesuaian dalam kawasan perniagaan sedia ada
- Mewujudkan suasana persekitaran yang menarik untuk pengusaha dan pekerja

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)		Fasa 1 (2015-2020)	√
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)	√	Fasa 2 (2021-2025)	
High Impact Transformation Project		Fasa 3 (2026-2030	

RAJAH 8.5.1

Rajah 8.5.1: Cadangan Hierarki Pusat Perkhidmatan di Daerah Hulu Perak



8.5 Membangunkan kawasan perniagaan baru di pusat perkhidmatan sedia ada dan luar bandar

8.5.2 CADANGAN PUSAT PERNIAGAAN BARU DI BANDAR PENGKALAN HULU

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
Lokasi	Pengkalan Hulu
No Lot	-
Keluasan	46 hektar

DESKRIPSI

i. Pembinaan premis perniagaan baru seperti:
   a) Kedai pejabat = Maksimum 4 tingkat
   b) Bangunan *'free standing'* = Nisbah plot 1: 3 dan 60% *plinth area*

ii. Penyediaan jenis perniagaan seperti perkhidmatan kewangan dan perbankan, pusat perniagaan runcit dan pembangunan bercampur.

iii. Penyediaan tapak bagi pusat penjaja terancang khususnya medan selera dan tapak bagi aktiviti pasar malam

iv. Penyediaan kemudahan sokongan di kawasan perniagaan baru seperti tempat letak kereta, tandas awam dan surau.

JUSTIFIKASI

- Mengukuhkan aktiviti perniagaan sedia ada di dalam kawasan pusat bandar
- Menambahkan jumlah ruang lantai sedia ada di kawasan perniagaan
- Menggalak dan mempermudah kemasukan pelabur ke sesebuah kawasan perniagaan
- Memperlengkap dan memperbaiki kemudahan infrastruktur dan penyediaan kemudahan awam yang bersesuaian dalam kawasan perniagaan sedia ada
- Mewujudkan suasana persekitaran yang menarik untuk pengusaha dan pekerja

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)	√	Fasa 1 (2015-2020)	√
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)		Fasa 2 (2021-2025)	
High Impact Transformation Project (>10 tahun)		Fasa 3 (2026-2030	

RAJAH 8.5.2

Ilustrasi Cadangan Pusat Perniagaan Baru di Pekan Pengkalan Hulu

Rajah 8.5.2: Kawasan Perniagaan Baru di Pekan Pengkalan Hulu





Ilustrasi Cadangan Susun Atur Lot Perniagaan Baru di Pengkalan Hulu

Ilustrasi Cadangan Pusat Penjaja Terancang di Klian Intan

8.5 Membangunkan kawasan perniagaan baru di pusat perkhidmatan sedia ada dan luar bandar

8.5.2 CADANGAN PUSAT PERNIAGAAN BARU DI BORDER TOWN

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
Lokasi	Border Town
No Lot	-
Keluasan	30.6 hektar

DESKRIPSI

i. Fasa 1 meliputi 1.9 hektar terdiri daripada pembangunan pusat membeli-belah iaitu Carnivals yang meliputi:
   a) Zon Bebas Cukai
   b) Pusat Membeli-belah
   c) Suit Perkhidmatan

ii. Pembinaan premis perniagaan baru seperti:
   a) Kedai pejabat = Maksimum 4 tingkat
   b) Bangunan *'free standing'* = Nisbah plot 1: 3 dan 60% *plinth area*

iii. Penyediaan kemudahan sokongan di kawasan perniagaan baru seperti tempat letak kereta, tandas awam dan surau.

JUSTIFIKASI

- Menggalak dan mempermudah kemasukan pelabur ke sesebuah kawasan perniagaan terutama dari negara jiran.
- Memperlengkap dan memperbaiki kemudahan infrastruktur dan penyediaan kemudahan awam yang bersesuaian dalam kawasan perniagaan sedia ada
- Mewujudkan suasana persekitaran yang menarik untuk pengusaha dan pekerja

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)		Fasa 1 (2015-2020)	√
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)		Fasa 2 (2021-2025)	
High Impact Transformation Project (>10 tahun)	√	Fasa 3 (2026-2030	

RAJAH 8.5.3

Rajah 8.5.3: Kawasan Perniagaan Baru di Border Town

Ilustrasi Cadangan Carnivals di Border Town

8.5 Membangunkan kawasan perniagaan baru di pusat perkhidmatan sedia ada dan luar bandar

8.5.2 CADANGAN PUSAT PERNIAGAAN BARU DI BANDAR GERIK

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
Lokasi	1.Bandar Gerik 2.Gerik Golden Triangle
No Lot	-
Keluasan	1. 14.7 hektar 2. 20.8 hektar

DESKRIPSI

i. Pembinaan premis perniagaan baru seperti:
   a) Kedai pejabat = Maksimum 4 tingkat
   b) Bangunan *'free standing'* = Nisbah plot 1: 3 dan 60% *plinth Area*

ii. Penyediaan jenis perniagaan seperti perkhidmatan kewangan dan perbankan, pusat perniagaan runcit dan pembangunan bercampur.

iii. Penyediaan kemudahan sokongan di kawasan perniagaan baru seperti tempat letak kereta, tandas awam dan surau.

JUSTIFIKASI

- Menggalak dan mempermudah kemasukan pelabur ke sesebuah kawasan perniagaan terutama dari negara jiran.
- Memperlengkap dan memperbaiki kemudahan infrastruktur dan penyediaan kemudahan awam yang bersesuaian dalam kawasan perniagaan sedia ada
- Mewujudkan suasana persekitaran yang menarik untuk pengusaha dan pekerja

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)		Fasa 1 (2015-2020)	√
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)	√	Fasa 2 (2021-2025)	
High Impact Transformation Project (>10 tahun)		Fasa 3 (2026-2030	

RAJAH 8.5.4

Rajah 8.5.4: Kawasan Perniagaan Baru di Bandar Gerik







Ilustrasi Cadangan Susun Atur Lot Perniagaan Baru di Gerik

Ilustrasi Cadangan Perniagaan Baru di Gerik

8.5 Membangunkan kawasan perniagaan baru di pusat perkhidmatan sedia ada dan luar bandar

8.5.2 CADANGAN PUSAT PERNIAGAAN BARU DI BANDAR LENGGONG

LOKASI DAN KELUASAN TAPAK	
Lokasi	Bandar Lenggong
No Lot	-
Keluasan	11.2 hektar

DESKRIPSI

i. Pembinaan premis perniagaan baru seperti:
   a) Kedai pejabat = Maksimum 4 tingkat
   b) Bangunan *'free standing'* = Nisbah plot 1: 3 dan 60% *plinth Area*

ii. Penyediaan jenis perniagaan seperti perkhidmatan kewangan dan perbankan, pusat perniagaan runcit dan pembangunan bercampur.

iii. Penyediaan kemudahan sokongan di kawasan perniagaan baru seperti tempat letak kereta, tandas awam dan surau.

JUSTIFIKASI

- Menggalak dan mempermudah kemasukan pelabur ke sesebuah kawasan perniagaan terutama dari negara jiran.
- Memperlengkap dan memperbaiki kemudahan infrastruktur dan penyediaan kemudahan awam yang bersesuaian dalam kawasan perniagaan sedia ada
- Mewujudkan suasana persekitaran yang menarik untuk pengusaha dan pekerja

JENIS PROJEK		FASA PEMBANGUNAN	
Quick Win / Enabler Project (<3 tahun)	√	Fasa 1 (2015-2020)	√
Short Term Blue Ocean Project (3-10 tahun)		Fasa 2 (2021-2025)	
High Impact Transformation Project (>10 tahun)		Fasa 3 (2026-2030	

RAJAH 8.5.5



